

# Laporan

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR

# AKNC





اَوَّلُ رِسَالَةٍ تَكُونُ لَوَيْلَى مَارَا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

# LAPORAN ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

## 2024

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (KELANTAN)  
JARINGAN ALUMNI, KOMUNITI DAN  
KESUKARELAWAN

---

**KETUA PTJ :**

MOHD NASIR BIN ISMAIL

**KETUA UNIT KUALITI :**

NORAINI BT JUNOH

**PENYELARAS :**

SITI ZULAIKHA BINTI MUSTAPHA

**PENULIS :**

1. SITI ZULAIKHA BINTI MUSTAPHA
2. SITI ZULAIKHA BINTI MUSTAPHA
3. NORAINI BT JUNOH
4. NORAZMILA BINTI YUSUF
5. JULAINA BINTI BAISTAMAN
6. NOR FARIZAH BINTI JOHARI
7. NURSYAHIDA BINTI ZULKIFLI

8. MUHAMMAD SYAFIQ BIN HASSAN
9. MOHD HAFEEZ AL-AMIN BIN ABDUL WAHAB
10. NURUL SUHADA BINTI AZIZ
11. HASLINDA BINTI ABDUL HAMID
12. NUR AIN BINTI ABDUL MALEK
13. WAN NUUR FAZLIZA BINTI WAN ZAKARIA
14. ROHAZLYN BINTI ROSLY
15. ZANIRAH BINTI MUSTAFA
16. AZWAN SHAH BIN AMINUDDIN
17. NAJATUL AFIQAH BINTI MOHD AFFANDI
18. FATIN NUR BINTI ZULKIPLI
19. NURHIDAYAH BINTI ROSELY
20. MUHAMMAD AMMAR HAIDAR BIN ISHAK
21. NIK MOHD FARIS BIN NIK MIN
22. NIK ZAM NIK WAN
23. HARIATI BINTI IBRAHIM @ MUSA
24. NIK MOHAMAD SHAMIM BIN NIK MOHD ZAINORDIN
25. NORSHAMSIAH BINTI IBRAHIM
26. AN NUR NABILA BINTI ISMAIL
27. MIRA QERUL BARRIAH BINTI MUHAMAD
28. MIMI MAZLINA BT MOHAMAD
29. MOHAMAD SYAUQI BIN MOHAMAD ARIFIN
30. HUDA BINTI HAMIDON
31. NUR ZAHIDAH BINTI AB SAMAD
32. YUSLINA BINTI YUSOFF
33. NOR JASLINA BINTI NIK WIL

## **KRITERIA 1 : KEPIMPINAN**

### **1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Kepimpinan di UiTM Cawangan Kelantan (UiTMCK) berasaskan prinsip kecemerlangan yang selari dengan visi dan misi UiTM untuk menjadi universiti terkemuka dunia menjelang tahun 2025. Dalam usaha mencapai visi ini, Rektor, Profesor Dr. Haji Abdol Samad Nawawi, bersama kepimpinan kanan universiti, telah mengambil langkah-langkah strategik dan inovatif untuk memastikan pencapaian yang signifikan dalam bidang jaringan komuniti, alumni, dan kesukarelawan. UiTMCK telah menyelaraskan pendekatannya dengan matlamat Sustainable Development Goals (SDG) yang merangkumi objektif global seperti penghapusan kemiskinan (SDG 1), peningkatan kesihatan yang baik (SDG 3), dan penyediaan pendidikan berkualiti (SDG 4). Pendekatan ini turut diselaraskan dengan Polisi Malaysia Madani serta Amanat Naib Canselor UiTM, yang memberikan panduan strategik dalam pelaksanaan inisiatif kampus. Kepimpinan UiTMCK telah melaksanakan 12 Ikhtiar Utama yang memberi tumpuan kepada penglibatan aktif semua fakulti dan jabatan dalam memperkukuhkan hubungan dengan industri, komuniti, dan alumni, serta mencapai matlamat kecemerlangan global.

Rektor bersama-sama dengan Timbalan Rektor (Penyelidikan & Jaringan Industri) Dr. Norzieha Mustapha, dan koordinator-koordinator di bawah Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri, dan Alumni (PJIA), telah berjaya memimpin kampus dalam melaksanakan pelbagai inisiatif yang menonjolkan nilai kemasyarakatan dan kecemerlangan global. Unit Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni (ICAN) serta Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) memainkan peranan yang sangat penting dalam memastikan program-program kesukarelawan dan jaringan komuniti dilaksanakan dengan lancar dan mencapai sasaran yang telah ditetapkan. Pada tahun 2023, UiTMCK mencatatkan prestasi yang cemerlang dalam bidang jaringan alumni dan komuniti dengan melaksanakan sebanyak 48 projek komuniti, di mana 21 daripadanya telah menerima penarafan 3 bintang dalam sistem PRIME. Projek-projek ini bukan sahaja memberi manfaat kepada komuniti setempat tetapi juga melangkaui sempadan antarabangsa, termasuk projek-projek yang dilaksanakan di Indonesia. Kejayaan ini adalah hasil daripada kolaborasi erat antara UiTMCK, alumni, dan komuniti, yang selaras dengan slogan "Championing Datapreneurship, Empowering Community".

Selain daripada itu, UiTMCK telah diiktiraf sebagai kampus paling aktif dalam menganjurkan program bersama komuniti, serta menerima pengiktirafan tempat pertama dalam Sumbangan Terkumpul Tabung Alumni Prihatin RM5 semasa MeTIC 12/2023. Komitmen kepimpinan dalam memantau dan menambahbaik setiap program melalui mesyuarat berkala, bengkel strategik, dan sistem pemantauan yang efektif telah memastikan segala aktiviti dijalankan dengan penuh integriti, telus, dan berkesan. Kepimpinan UiTMCK terus memacu kecemerlangan melalui penglibatan aktif dalam pelbagai inisiatif yang bukan sahaja meningkatkan profil global UiTM, tetapi juga menyumbang kepada kesejahteraan dan pembangunan masyarakat setempat dan antarabangsa. Dengan pendekatan yang bersepadu dan berteraskan nilai, UiTMCK berada pada landasan yang kukuh untuk mencapai visi sebagai universiti terkemuka dunia menjelang 2025, serta memberi impak yang positif kepada semua pihak berkepentingan.

## 1.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Visi utama UiTM dalam Pelan Strategik UiTM 2025 untuk menjadikan UiTM sebagai Globally Renowned University (GRU) yang telah disampaikan dalam Amanat Naib Canselor 2023. Untuk mencapai visi ini terdapat tiga teras strategik iaitu pendidikan berkualiti, kecemerlangan global dan prestasi berorientasikan nilai. Berdasarkan amanat Naib Canselor ini, UiTMCK telah memilih bidang Jaringan Komuniti, Alumni, dan Kesukarelawan untuk mencapai teras strategik kedua iaitu Kecemerlangan Global. Selain itu, dasar dan hala tuju UiTM dan UiTMCK khususnya juga berteraskan agenda antarabangsa seperti Sustainable Development Goals (SDGs) yang mana turut memberi penekanan kepada pembangunan komuniti, institusi dan semua pemegang taruh UiTM. Antaranya dalam merealisasikan pelaksanaan matlamat SDG seperti Matlamat 1, 2, 3, 4 dan 13.

Selaras dengan agenda Malaysia Madani, UiTM khususnya UiTM Kelantan turut menyahut aspirasi Malaysia Madani dalam kepimpinan yang menjadi tonggak dalam memeta hala tuju Malaysia menuju sebuah negara bangsa yang maju dan sejahtera. Oleh itu, kepimpinan kanan yang diterajui oleh Rektor UiTMCK telah mengamalkan pendekatan dan kaedah yang sistematik dalam melonjakkan kecemerlangan jaringan komuniti, alumni dan kesukarelawan dengan penglibatan semua bahagian dan unit. Bagi mencapai objektif bidang tumpuan, rektor kampus dibantu oleh Timbalan Rektor (Penyelidikan & Jaringan Industri) dan tiga (3) orang koordinator dibawah Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri dan Alumni (PJIA). Bagi tujuan laporan AKNC 2023 fokus utama penulisan adalah Unit Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni (ICAN), Bahagian PJIA, dan Unit Kokurikulum Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP). Unit ICAN diketuai oleh koordinator dan dibantu oleh lima (5) orang penyelarasan dan Unit Kesatria & Kokurikulum, Bahagian HEP di ketuai oleh Penolong Pendaftar Kanan dibantu dua orang staf iaitu Pegawai Eksekutif dan kerani (UiTMCK Bukti 1.2.1).

Bagi melancarkan dan memantapkan jaringan komuniti, alumni dan kesukarelawan, bidang tugas dan peranan telah dinyatakan dengan jelas di dalam surat lantikan (UiTMCK Bukti 1.2.2). Hala tuju perancangan UiTMCK adalah berlandaskan Amanat Naib Canselor UiTM 2023 (UiTMCK Bukti 1.2.3) di mana Rektor UiTMCK menekankan pelbagai sasaran dalam memperkasakan jaringan komuniti, alumni dan kesukarelawan di kalangan warga UiTMCK. Dalam mencapai matlamat tersebut, kepimpinan kanan melalui Amanat Rektor 2023 menekankan 12 Ikhtiar Utama dan mensasarkan penglibatan aktif setiap fakulti dan kolej pengajian UiTMCK dalam mencapai matlamat memelihara jaringan Industri dan komuniti. Pengurusan kanan juga menyeru setiap fakulti memastikan usaha berterusan dijalankan bagi mengekalkan dan mengeratkan jaringan alumni yang sedia ada (UiTMCK Bukti 1.2.4).

Dalam memastikan visi UiTM tercapai, kepimpinan kanan juga menekankan aspek nilai dan kualiti warga UiTMCK dengan mewujudkan slogan Championing Datapreneuership, Empowering Community. Slogan ini bertujuan untuk memastikan warga UiTMCK bergerak selari dengan hala tuju universiti. Justeru itu ianya dapat mencungkil, memantapkan dan mengembangkan potensi warga UiTMCK ke arah kecemerlangan pencapaian dari segi jaringan alumni, komuniti, dan kesukarelawan. Kepimpinan kanan telah mewujudkan sasaran Kecemerlangan Global dalam memelihara jaringan industri dan komuniti, dan juga mengeratkan jaringan alumni, 10 petunjuk prestasi utama yang telah ditetapkan bagi jaringan komuniti, alumni, dan kesukarelawan bagi tahun 2023. Keberkesanan pelaksanaan program yang dianjurkan adalah berdasarkan pencapaian prestasi UiTMCK bagi teras jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawan pada tahun 2023 adalah sebanyak 74 peratus (UiTMCK Bukti 1.2.5).

### **SENARAI BUKTI:**

1. [K0058\\_K01\\_KB02\\_20241\\_AKNC UiTMCK Bukti 1.2.1.pdf](#)
2. [K0058\\_K01\\_KB02\\_20242\\_AKNC UiTMCK Bukti 1.2.2.pdf](#)
3. [K0058\\_K01\\_KB02\\_20243\\_AKNC UiTMCK Bukti 1.2.3.pdf](#)
4. [K0058\\_K01\\_KB02\\_20244\\_AKNC UiTMCK Bukti 1.2.4.pdf](#)

---

5. [K0058\\_K01\\_KB02\\_20245\\_AKNC UiTMCK Bukti 1.2.5.pdf](#)

### **1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)**

Perluasan bidang tumpuan tahun 2023 telah bermula seawal Disember tahun sebelumnya oleh Unit Transformasi Universiti (UTU) dengan penganjuran Bengkel Strategic Action Plan UiTMCK 2023. Bengkel ini telah dihadiri oleh semua Pusat Tanggungjawab (PTJ). UTU juga berperanan untuk menggerakkan keseluruhan warga kampus ke arah mencapai objektif yang telah ditetapkan menggunakan pelbagai medium sebaran untuk makluman seperti memo, surat rasmi dan emel, dan juga media sosial seperti WhatsApp. Komunikasi dua hala antara kepimpinan kanan dan warga kampus bagi menyalurkan maklumat terkini mengenai pencapaian semasa petunjuk prestasi supaya warga kampus sentiasa peka dan bertindak untuk memastikan ianya tercapai (UiTMCK Bukti 1.3.1).

Perancangan strategik disebarluaskan kepada warga kampus melalui tindakan susulan daripada PTJ. PTJ mengadakan mesyuarat dan bengkel di peringkat bahagian dan fakulti masing-masing untuk merancang dan mendapatkan komitmen dari ahli bahagian untuk merealisasikan perancangan strategik yang sudah ditetapkan oleh UTU. Ketua Pusat Pengajian (KPP) mengadakan mesyuarat strategik bagi pengagihan Petunjuk Prestasi (PI) yang telah dipersetujui di peringkat tertinggi kampus (UiTMCK Bukti 1.3.2). Bagi mengukuhkan hubungan di antara UiTMCK dan alumni, satu pertemuan telah diadakan di antara kepimpinan kanan dan persatuan tunggal yang mewakili alumni UiTM yang dikenali sebagai Persatuan Alumni UiTM Kelantan (PAUK) (UiTMCK Bukti 1.3.3).

Sebanyak 48 projek komuniti dan kesukarelawan yang dianjurkan oleh bahagian dan fakulti di UiTMCK telah didaftarkan dalam sistem PRIME dan kesemua program mendapat penarafan bintang. Komuniti yang mendapat manfaat dari projek ini bukan sahaja komuniti di dalam negara tetapi juga komuniti di luar negara iaitu di beberapa daerah di Indonesia UiTMCK juga aktif dalam bidang kesukarelawan di mana pelajar dan staf sama-sama terlibat dalam melaksanakan program sukarelawan. Program kesukarelawan yang dianjurkan adalah merangkumi peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Program ini telah memberi manfaat dari segi peningkatan pengetahuan dan pendapatan kepada komuniti. Di samping itu, program komuniti UiTMCK telah mendekati golongan berkeperluan khas. Misalnya Bengkel Terapi Seni Lukis Bersama Komuniti Autistik telah dijalankan bagi meningkatkan kualiti hidup komuniti autistik untuk mengetengahkan bakat seni golongan ini. Program yang melibatkan komuniti di sekitar UiTMCK turut diberi tumpuan apabila UiTMCK mendekati pelajar-pelajar pra-universiti di sekolah-sekolah di Daerah Machang untuk menyertai program Pendidikan Sivik dan Kenegaraan. Program ini telah menggembelng usaha dari pensyarah UiTMCK, alumni UiTMCK, badan bukan kerajaan dan belia setempat. Sinergi antara UiTMCK, komuniti, alumni, badan bukan kerajaan telah menghasilkan satu program yang menyuburkan pelaksanaan bidang tumpuan (UiTMCK Bukti 1.3.4).

Komitmen kepimpinan dalam menggerakkan warga UiTMCK dizahirkan dengan penghargaan dari ICAN induk dan penganugerahan semasa MeTIC 12/2023. UiTMCK dinobatkan sebagai kampus yang paling aktif dalam menganjurkan program bersama komuniti. Program komuniti yang dijalankan telah memberi manfaat bukan sahaja dari segi penjana pendapatan komuniti terbabit, malah menambahbaik amalan dan tadbir urus sesebuah organisasi. Terdapat pelbagai aktiviti yang dianjurkan untuk memperkasakan penglibatan alumni yang berbentuk perkongsian kepakaran alumni, perjumpaan sosial, keramaian, dan riadah (UiTMCK Bukti 1.3.5). Berdasarkan pelaksanaan program-program bagi tahun 2023, jelaslah UiTMCK komited dalam menjalankan tanggungjawab dan amanah bagi memperkukuhkan usaha memasyarakatkan universiti sebagai gedung ilmu yang mesra industri, komuniti dan alumni seperti yang diamanahkan oleh Naib Canselor UiTM semasa MeTIC ke-12.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0058\\_K01\\_KB03\\_20241\\_AKNC UiTMCK Bukti 1.3.1.pdf](#)
2. [K0058\\_K01\\_KB03\\_20242\\_AKNC UiTMCK Bukti 1.3.2.pdf](#)
3. [K0058\\_K01\\_KB03\\_20243\\_AKNC UiTMCK Bukti 1.3.3.pdf](#)
4. [K0058\\_K01\\_KB03\\_20244\\_AKNC UiTMCK Bukti 1.3.4.pdf](#)
5. [K0058\\_K01\\_KB03\\_20245\\_AKNC UiTMCK Bukti 1.3.5.pdf](#)



## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Dalam mencapai visi dan misi yang ditetapkan kepimpinan kanan UiTMCK sentiasa melakukan proses pemantauan terhadap pelaksanaan aktiviti dan program yang telah ditetapkan. Terdapat pelbagai mekanisme yang telah diguna pakai seperti mesyuarat, bengkel dan aktiviti turun padang yang disertai oleh kepimpinan kanan UiTMCK. Antara inisiatif bagi memastikan pemantauan dilaksanakan oleh kepimpinan kanan adalah dengan mengadakan bengkel pembentangan pencapaian KPI strategik UiTMCK setiap suku tahun 2023. Melalui bengkel ini pihak kepimpinan kanan akan memantau status pelaksanaan program/aktiviti yang telah dirancang serta memberi cadangan penambahbaikan kepada pemilik dan pelaksana bagi mencapai KPI yang diperlukan (UiTMCK Bukti 1.4.1.1). Peringkat fakulti pula pelaksana yang diketuai oleh Ketua Pusat Pengajian (KPP) akan mengadakan mesyuarat bagi mengenalpasti status pelaksanaan program atau aktiviti yang telah dirancang (UiTMCK Bukti 1.4.1.2).

Selain itu, Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan UiTMCK 2023 juga telah diadakan pada 12 Disember 2023 bagi tujuan pemantauan dan penambahbaikan kepada semua aktiviti yang dilaksanakan di kampus seperti berkaitan pencapaian perancangan strategik, pencapaian objektif kualiti dan lain-lain (UiTMCK Bukti 1.4.1.3). Selain itu, pemantauan aktiviti berkaitan jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawan juga dilaksanakan oleh koordinator yang telah dilantik melalui sistem PRIME, koordinator aktiviti SULAM serta Bahagian Hal Ehwal Pelajar UiTMCK yang mana pegawai yang dilantik akan memantau pelaksanaan program dan aktiviti di peringkat subjek atau fakulti dengan lebih menyeluruh (UiTMCK Bukti 1.4.1.4). Bengkel dan mesyuarat yang dilaksanakan juga dapat membantu pihak pengurusan kanan UiTMCK untuk memantau aktiviti atau program yang tidak berjaya dilaksanakan terutamanya dalam bengkel perancangan strategik bagi tahun 2024. Melalui laporan pencapaian 2023 yang dibentangkan oleh pemilik KPI, pihak kepimpinan kanan dapat mengenal pasti kelemahan dan masalah yang dihadapi dan akan ditambah baik pada tahun 2024 (UiTMCK Bukti 1.4.1.5)

### **SENARAI BUKTI:**

1. [K0058\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20241\\_UITMCK\\_BUKTI\\_1.4.1.1.pdf](#)
2. [K0058\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20242\\_UITMCK\\_BUKTI\\_1.4.1.2.pdf](#)
3. [K0058\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20243\\_UITMCK\\_BUKTI\\_1.4.1.3.pdf](#)
4. [K0058\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20244\\_UITMCK\\_BUKTI\\_1.4.1.4.pdf](#)
5. [K0058\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20245\\_UITMCK\\_BUKTI\\_1.4.1.5.pdf](#)

## 1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Risiko merupakan Ketidakpastian tentang isu atau kejadian atau peristiwa yang boleh memberi impak kepada pencapaian atau objektif sesebuah organisasi. Ini termasuk sebarang halangan, kelemahan pengurusan, kerosakan, kecederaan, kerugian atau kejadian negatif. Pengurusan risiko yang baik akan memberi impak yang besar kepada UiTMCK khususnya dalam menggalakkan budaya kerja proaktif bagi isu yang mempunyai impak besar dimana tindakan pencegahan dapat dilaksanakan serta dapat membantu pengurusan untuk membuat keputusan lebih tepat berdasarkan tindakan kawalan terhadap risiko atau peluang yang dihadapi. Di UiTM Kelantan pihak pengurusan kanan telah memberi mandat kepada Unit Risiko yang diketuai oleh Dr Mariam Setapa untuk menjalankan Polisi Pengurusan Risiko UiTM di kampus Machang dan Kota Bharu (UiTMCK Bukti 1.4.2.1). Antara risiko dalam melaksanakan program dan aktiviti melibatkan jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawan adalah berkaitan risiko strategik, risiko kewangan, risiko reputasi, risiko perundangan, risiko operasi dan risiko projek (UiTMCK Bukti 1.4.2.2).

Namun berdasarkan laporan Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan UiTMCK 2023 hanya risiko berkaitan operasi dan kewangan banyak ditekankan secara keseluruhannya (UiTMCK Bukti 1.4.2.3). Namun, pihak pengurusan kanan sentiasa menitik beratkan hal berkaitan risiko kerana pada tahun 2023 sebanyak 3 kali mesyuarat berkaitan pengurusan risiko dijalankan oleh PTJ yang bertanggungjawab samaada secara bersemuka atau atas talian (UiTMCK Bukti 1.4.2.4). Walaubagaimanapun hebahan melalui emel rasmi berkaitan pelaporan risiko telah disebarikan secara meluas serta setiap fakulti mempunyai ahli jawatan kuasa pengurusan risiko yang telah dilantik oleh pihak pengurusan UiTMCK (UiTMCK Bukti 1.4.2.5).

### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0058\\_K01\\_KB04\\_KC02\\_20241\\_UITMCK\\_BUKTI\\_1.4.2.1.pdf](#)
2. [K0058\\_K01\\_KB04\\_KC02\\_20242\\_UITMCK\\_BUKTI\\_1.4.2.2.pdf](#)
3. [K0058\\_K01\\_KB04\\_KC02\\_20243\\_UITMCK\\_BUKTI\\_1.4.2.3.pdf](#)
4. [K0058\\_K01\\_KB04\\_KC02\\_20244\\_UITMCK\\_BUKTI\\_1.4.2.4.pdf](#)
5. [K0058\\_K01\\_KB04\\_KC02\\_20245\\_UITMCK\\_BUKTI\\_1.4.2.5.pdf](#)

### **1.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)**

Sepanjang tahun 2023 UiTM khususnya UiTMCK telah mempunyai hala tuju dan KPI yang telah ditetapkan di peringkat tertinggi melalui Amanat Naib Canselor 2023 serta Amanat Rektor 2023. Oleh itu, setiap pelaksanaan program dan aktiviti dapat dipantau secara berkala oleh pihak pengurusan kanan UiTMCK. Salah satu medium bagi mengkaji semula dan melakukan tindakan penambahbaikan platform Mesyuarat Akademik di peringkat UiTMCK merupakan salah satu kaedah yang berkesan yang dapat mendekati seluruh warga UiTMCK. Oleh itu, kepimpinan daripada Bahagian Penyelidikan, Jaringan Alumni dan Komuniti akan membentangkan prestasi pencapaian secara terperinci kepada seluruh warga UiTMCK (Bukti 1.4.3.1). Timbalan Rektor PJI akan melaporkan status terkini pencapaian KPI UiTMCK serta mewar-warkan kejayaan aktiviti berkaitan alumni dan komuniti kepada seluruh warga.

Hal ini akan memberi semangat dan membuka peluang kepada warga UiTMCK untuk membuat penambahbaikan kepada pelaksanaan aktiviti dan program yang telah dirancang sama ada di peringkat fakulti, UiTMCK, kebangsaan atau antarabangsa. Selain itu, sebagai PTJ yang bertanggungjawab menjayakan program jaringan alumni dan komuniti pihak PJA juga secara berkala mengadakan mesyuarat di peringkat bahagian bagi mengenal pasti permasalahan dan meningkatkan strategi bagi mencapai objektif dan misi yang telah ditetapkan (Bukti 1.4.3.2).

Walaubagaimanapun di peringkat fakulti dan bahagian pihak PJA sentiasa memastikan Ketua Pusat Pengajian dan Ahli jawatan kuasa fakulti yang dilantik mendapat maklumat data dan statistik program, aktiviti, penerbitan dan penyelidikan secara berkala dan akan bekerjasama dengan KPP bagi meningkatkan aktiviti dan program. Pihak PJA akan memberi kerjasama dan menyediakan pelbagai medium bantuan seperti latihan bagi memudahkan pelaksanaan aktiviti dan program di peringkat fakulti (UiTMCK Bukti 1.4.3.3). Sebagai contoh perkongsian maklumat melalui kumpulan WhatsApp secara berkala oleh pihak PJA dan seluruh warga UiTMCK (UiTMCK Bukti 1.4.3.4). Pihak pengurusan kanan UiTMCK juga menggunakan hasil dapatan daripada Indeks Kegembiraan UiTM bagi melakukan penambahbaikan dan memastikan semua warga UiTMCK sentiasa bermotivasi dan bersemangat dalam menjalankan amanah tugas pensyarah yang telah diberikan termasuklah menjalankan amanah untuk melakukan aktiviti dan program berkaitan jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawan bersama semua pemegang taruh UiTMCK (UiTMCK Bukti 1.4.3.5).

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0058\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20241\\_UITMCK\\_BUKTI\\_1.4.3.1.pdf](#)
2. [K0058\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20242\\_UITMCK\\_BUKTI\\_1.4.3.2.pdf](#)
3. [K0058\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20243\\_UITMCK\\_BUKTI\\_1.4.3.3.pdf](#)
4. [K0058\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20244\\_UITMCK\\_BUKTI\\_1.4.3.4.pdf](#)
5. [K0058\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20245\\_UITMCK\\_BUKTI\\_1.4.3.5.pdf](#)

## 1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Integrasi adalah satu proses yang menyatupadukan warga UiTMCK dan masyarakat melalui permuafakatan untuk mencapai bidang tumpuan. Pengurusan kanan UiTMCK membudayakan objektif dan pelan strategik bidang tumpuan dengan melaksanakan komunikasi dan hebahan di setiap bahagian dan peringkat bermula dengan peringkat pengurusan melalui MKSP, JKEN, PJIA, KPP dan ahli-ahli fakulti yang lain yang menjadi pelaksana kepada program-program dalam bidang tumpuan. Emel rasmi daripada UiTMCK sentiasa dihantar kepada semua warga kampus agar warga kampus peka dengan aktiviti-aktiviti yang dijalankan untuk mencapai PI yang berkaitan dengan bidang tumpuan. pembudayaan bidang tumpuan dalam kalangan pelajar adalah melalui aktiviti kesukarelawan. Penglibatan pelajar melalui persatuan atau kelab pelajar dibawah Hal Ehwal Pelajar (HEP) dapat menyemarakkan sifat kesukarelawan dan pengalaman berkaitan aktiviti kemasyarakatan kepada seluruh warga UiTMCK dengan komuniti setempat. Program Lukisan Mural di SMK Pahi, Kuala Krai merupakan kerjasama antara sekolah, Unit ICAN dan kelab pelajar, Pembimbing Efektif Rakan Sebaya (PEERS) (UiTMCK Bukti 1.5.1). Mana-mana program yang mendapat penarafan bintang akan dibuat poster hebahan dan dipaparkan di laman web rasmi UiTMCK, email semua staf dan juga laman Facebook rasmi UiTMCK. Hal ini menaikkan semangat pelaksana program dan juga warga kampus untuk terus membudayakan pelaksanaan bidang tumpuan (UiTMCK Bukti 1.5.2).

Pengurusan kanan UiTMCK juga amat mengambil berat pembudayaan bidang tumpuan di kalangan pelajar. Service Learning Malaysia - University For Society (SULAM) terangkum dalam silibus kursus-kursus yang diambil oleh pelajar dan dipantau oleh Koordinator Program (KP) dan dilaporkan kepada Hal Ehwal Akademik (HEA) (UiTMCK Bukti 1.5.3). Disamping itu, Pengurusan kanan UiTMCK menitikberatkan juga integrasi bersama komuniti dan alumni dengan pelaksanaan program yang berkolaborasi dengan kedua-dua pihak ini. Pengurusan kanan menyambut baik badan bukan kerajaan yang hendak menyumbang dana untuk membuat program (UiTMCK Bukti 1.5.4). Inisiatif pemeraksanaan bidang tumpuan mendapat sokongan penuh daripada kepimpinan kanan universiti melalui kerjasama strategik dengan pelbagai industri dan agensi. Memorandum Persefahaman (MOU) antara UiTM dan rakan industri dapat mencapai objektif bidang tumpuan (UiTMCK Bukti 1.5.5). Hubungan yang baik dan akrab antara UiTM dan rakan strategik diyakini dapat memberikan impak positif dari pelbagai sudut melalui jaringan alumni, industri dan kesukarelawan dan seterusnya menyumbang kepada pencapaian Pelan Strategik UiTM 2025 iaitu ke arah Kompetensi Global.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0058\\_K01\\_KB05\\_20241\\_AKNC UiTMCK Bukti 1.5.1.pdf](#)
2. [K0058\\_K01\\_KB05\\_20242\\_AKNC UiTMCK Bukti 1.5.2.pdf](#)
3. [K0058\\_K01\\_KB05\\_20243\\_AKNC UiTMCK Bukti 1.5.3.pdf](#)
4. [K0058\\_K01\\_KB05\\_20244\\_AKNC UiTMCK Bukti 1.5.4.pdf](#)
5. [K0058\\_K01\\_KB05\\_20245\\_AKNC UiTMCK Bukti 1.5.5.pdf](#)

## **KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK**

### **2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Bermula pada tahun 2020, UiTM Cawangan Kelantan (UiTMCK) memulakan perancangan strategik berdasarkan panduan Pelan Strategik UiTM2025, dengan matlamat untuk menjadikan UiTM sebagai Universiti Terkemuka Dunia menjelang tahun 2025. Selaras dengan visi ini, perancangan UiTMCK memberikan penekanan kepada tiga teras strategik utama, iaitu Pendidikan Berkualiti, Kecemerlangan Global, dan Prestasi Berorientasikan Nilai. Pada tahun 2023, Pelan Perancangan Strategik UiTMCK melangkah ke fasa *Globally Marketable* selaras dengan Pelan Strategik UiTM 2025. Seiring dengan fasa *Globally Marketable 2023*, UiTMCK terus memberi fokus pelan perancangan strategik UiTMCK kepada Perkongsian Pintar Industri, Komuniti dan Alumni sesuai dengan aspirasi Naib Canselor dalam Pelan Strategik UiTM2025.

Sesuai dengan Teras Strategik Kecemerlangan Global, pelan perancangan strategik UiTMCK pada tahun 2023 digerakkan oleh Tema Strategik yang memberi tumpuan kepada Perkongsian Pintar Industri, Komuniti dan Alumni. Dalam usaha mencapai Tema Strategik Perkongsian Pintar Industri, Komuniti dan Alumni, UiTMCK menitikberatkan pelan strategik yang memberi perhatian kepada Petunjuk Prestasi Utama yang memberi fokus kepada jumlah MoU/MoA industri antarabangsa dan jumlah MoU/MoA universiti antarabangsa. Pemerkasaan Petunjuk Prestasi Utama tersebut adalah ke arah memperkasakan platform jaringan pintar untuk inisiatif MoU dan MoA kolaborasi berimpak tinggi dengan syarikat dan universiti di peringkat Negara dan Antarabangsa.

Bagi mencapai matlamat ini, pelan perancangan UiTMCK 2023 mengambil kira Strategi Inisiatif Utama menerusi strategi untuk melibatkan kerjasama universiti-industri bagi memupuk pengalaman dunia sebenar serta memberi sokongan kepada industri melalui kepakaran akademik dan penyelidikan UiTM di prasarana rakan industri. Selain itu, UiTMCK turut berhasrat mewujudkan sistem bersepadu pangkalan data alumni bagi menjalinkan kerjasama strategik pada masa hadapan dan seterusnya mempergiat kerjasama yang berpotensi dengan syarikat awam terbesar dunia iaitu Fortune 500 dan Forbes Global 2000. Melalui pelaksanaan Strategi Inisiatif Utama ini, UiTMCK berhasrat untuk memanfaatkan jaringan kerjasama universiti-industri, malah, menghasilkan ekosistem yang holistik dalam transformasi peranan universiti dalam menyelesaikan isu-isu masyarakat sebagaimana yang ditekankan dalam Matlamat Pembangunan Lestari (SDGs).

Secara asasnya, perancangan strategik UiTMCK dilaksanakan berdasarkan pendekatan **PDCA (Plan, Do, Check and Act)**. Di peringkat **Perancangan (Plan)**, pembangunan Pelan Perancangan Strategik UiTMCK dirangka melalui penglibatan secara holistik yang melibatkan Pengurusan Eksekutif UiTMCK, Ketua-ketua Bahagian dan Ketua-ketua Pusat Pengajian. Seterusnya, **Peringkat Pelaksanaan (Do)** dilaksanakan berasaskan Pelan Tindakan Strategik (SAP) yang telah dibangunkan di peringkat perancangan yang dilaksanakan oleh Ketua Pusat Tanggungjawab (Pemilik) dan Ketua Bahagian serta Ketua Pusat Pengajian (Pelaksana) serta warga UiTMCK. Untuk memastikan pelan perancangan UiTMCK dilaksanakan mengikut perancangan, UiTMCK melaksanakan peringkat **Pemantauan (Check)** secara berkala yang bertujuan untuk memastikan perancangan strategik yang dirancang dapat dilaksanakan dengan baik dan mencapai sasaran yang telah ditetapkan. Seterusnya, peringkat **Tindakan Penambahbaikan (Act)** diambil berdasarkan hasil dapatan yang dikenalpasti dari peringkat pemantauan yang melibatkan tindakan penambahbaikan terhadap pendekatan, proses pelaksanaan, strategi dan risiko perancangan yang telah dilaksanakan. Justeru, pelan perancangan strategik UiTMCK 2023 telah dilaksanakan berpandukan pendekatan **PDCA**.

## 2.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Bagi mendukung hasrat UiTM untuk menjadi sebuah universiti terkemuka dunia menjelang 2025, UiTMCK melaksanakan pendekatan secara holistik dimana perancangan strategik UiTMCK dibangunkan melibatkan Pengurusan Eksekutif UiTMCK dan Ketua Pusat Tanggungjawab UiTMCK. Perancangan strategik dihasilkan dengan melibatkan peringkat merangka dan membangunkan Pelan Tindakan Strategik, Pembangunan projek dan inisiatif/program/aktiviti sokongan di peringkat PTJ, bahagian, unit dan fakulti.

**Pendekatan** secara holistik adalah satu pendekatan yang dilaksanakan oleh UiTMCK dimana pelan strategik dibangunkan melalui penglibatan semua warga UiTMCK. Pendekatan ini dilaksanakan untuk merangka, membangunkan dan melaksanakan pelan tindakan strategik melalui sesi libat urus penetapan hala tuju melibatkan Pengurusan Eksekutif UiTMCK, Ketua-ketua Bahagian dan Ketua-ketua Pusat Pengajian serta seluruh warga UiTMCK. Berpaksikan Teras Strategik Kecemerlangan Global yang memberi penekanan kepada Perkongsian Pintar Industri, Komuniti dan Alumni. (UiTMCK Bukti 2.2.1)

Pada tahun 2023, UiTMCK telah menerima sebanyak 77 Petunjuk Prestasi (PI) daripada Bahagian Transformasi Universiti (BTU) yang meliputi lapan (8) Peneraju. Bagi memperkasakan agenda Perkongsian Pintar Industri, Komuniti dan Alumni, UiTMCK telah membangunkan SAP yang memberi penekanan kepada 10 Petunjuk Prestasi (PI) yang berorientasikan Perkongsian Pintar Industri, Komuniti dan Alumni yang melibatkan PI daripada Peneraju Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri dan Alumni (BPJIA) ICAN.

Bagi merealisasikan UiTM GRU2025, UiTMCK berhasrat menjadi penyumbang utama melalui pelan Tindakan strategik yang dibangunkan berasaskan sasaran PI. Ia dilaksanakan bermula dengan sesi libat sama Pengurusan eksekutif UiTMCK dan ketua-ketua bahagian, unit dan fakulti dalam bengkel perancangan strategik tahunan. Melalui bengkel tersebut, Pembangunan dan strategi pelaksanaan SAP dapat dihasilkan melalui perkongsian pengetahuan dan kepakaran serta penggunaan aplikasi inovasi yang dibangunkan oleh UTU UiTMCK dan BTU. Melalui aplikasi inovasi, Pembangunan SAP dapat dihasilkan dengan lebih sistematik, berdaya laksana dan berimpak tinggi. (UiTMCK Bukti 2.2.2)

Tambahan lagi, penggunaan aplikasi inovasi yang telah dibangunkan oleh UiTMCK dan BTU merupakan pendekatan dan kaedah bagi melancarkan lagi proses perancangan, pemantauan dan pelaksanaan PI dilaksanakan oleh Pemilik dan Pelaksana. Aplikasi inovasi tersebut juga digunakan untuk menjana pelaporan perancangan dan juga pencapaian bagi setiap PI yang telah di agihkan kepada Pemilik dan Pelaksana. Aplikasi inovasi juga digunakan untuk tujuan perancangan dan pemantauan Pelan Tindakan Strategik (SAP) UiTMCK bagi tahun 2023 (UiTMCK Bukti 2.2.3).

Justeru, pendekatan yang telah dilaksanakan oleh UiTMCK berupaya memperkasakan agenda Perkongsian Pintar Industri, Komuniti dan Alumni menerusi pelan Tindakan strategik yang memberi perhatian kepada Petunjuk Prestasi Utama yang memberi fokus kepada Jumlah MoU/MoA industri antarabangsa dan Jumlah MoU/MoA universiti antarabangsa (UiTMCK Bukti 2.2.4). Ia seterusnya dapat memberi impak yang signifikan kepada UiTMCK dan meningkatkan kemampuan dan ketampakkan UiTMCK dan warganya di peringkat nasional dan global selari dengan matlamat UiTM sebagai Universiti Terkemuka Dunia menjelang tahun 2025 (UiTMCK Bukti 2.2.5).

### **SENARAI BUKTI:**

1. [K0058\\_P01\\_PB02\\_20241\\_UiTMCK BUKTI 2.2.1.pdf](#)
2. [K0058\\_P01\\_PB02\\_20242\\_UiTMCK BUKTI 2.2.2.pdf](#)
3. [K0058\\_P01\\_PB02\\_20243\\_UiTMCK BUKTI 2.2.3.pdf](#)
4. [K0058\\_P01\\_PB02\\_20244\\_UiTMCK BUKTI 2.2.4.docx.pdf](#)

5. [K0058\\_P01\\_PB02\\_20245\\_UiTMCK BUKTI 2.2.5.pdf](#)
6. [K0058\\_P01\\_PB02\\_20241\\_UiTMCK BUKTI 2.2.1.pdf](#)
7. [K0058\\_P01\\_PB02\\_20242\\_UiTMCK BUKTI 2.2.2.pdf](#)
8. [K0058\\_P01\\_PB02\\_20243\\_UiTMCK BUKTI 2.2.3.pdf](#)

## 2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pelaksanaan pelan perancangan strategik UiTMCK dibangunkan berpandukan Rancangan Pelan Strategik UiTM2025. Untuk memastikan hasrat UiTM untuk menjadi sebuah Universiti Terkemuka Dunia menjelang tahun 2025 dicapai, pelan perancangan strategik UiTMCK dijalankan bermula dengan merancang pelan tindakan bersama Pemilik dan Pelaksana dan seterusnya melaksanakan aktiviti atau program bagi mencapai sasaran Petunjuk Prestasi (PI) yang telah ditetapkan.

Bagi memastikan hala tuju pelan perancangan strategik UiTMCK di fahami dan dilaksanakan dengan baik, proses penyampaian maklumat pelan perancangan strategik dilakukan dengan melibatkan semua ketua PTJ dan warga UiTMCK. Proses penyampaian maklumat di lakukan melalui bengkel Pelan Tindakan Strategik (SAP) yang di anjurkan oleh UTU UiTMCK yang melibatkan semua ketua-ketua PTJ seperti ketua-ketua unit, ketua-ketua bahagian dan ketua-ketua pusat pengajian di UiTMCK. Di samping itu, bengkel SAP juga bertujuan untuk melibatkan semua ketua PTJ untuk merangka pelan strategik mengikut bahagian masing-masing melalui sistem i-Strategik UiTMCK berdasarkan agihan PI yang telah ditetapkan. (UiTMCK Bukti 2.3.1).

Selain itu, proses penyampaian dan sebaran maklumat pelan strategik UiTMCK dilakukan melalui mesyuarat JKEN dan mesyuarat akademik. Ia bertujuan untuk memberi maklumat kepada ketua PTJ dan warga UiTMCK berkenaan perancangan dan pencapaian pelan strategik UiTMCK dari masa ke semasa. Sebaran maklumat perancangan dan pencapaian pelan strategik UiTMCK juga dibuat melalui platform google classroom dan emel yang di bangunkan oleh UTU UiTMCK. (UiTMCK Bukti 2.3.2).

Dalam usaha memperkasakan agenda Perkongsian Pintar Industri, Komuniti dan Alumni, UTU UiTMCK telah menyediakan sistem i-Strategik untuk mengagihkan sasaran PI kepada Pemilik dan Pelaksana. Inisiatif-inisiatif yang dirancang direkodkan ke dalam sistem i-Strategik melalui Borang Perancangan dan Pencapaian (BPP) (UiTMCK Bukti 2.3.3). Melalui sistem i-Strategik, paparan Dashboard Perancangan di dalam sistem i-Strategik dapat membantu Pemilik dan Pelaksana dalam menyelaras perancangan yang dibuat. Dashboard Perancangan disediakan bagi menyelaras perancangan inisiatif yang dibuat. Dashboard tersebut akan memapar bilangan inisiatif-inisiatif yang dirancang dan jumlah sasaran yang diperlukan. Perancangan yang ideal adalah bilangan kedua-dua item tersebut adalah sama. Borang BPP dan Dashboard Perancangan di dalam sistem i-Strategik boleh diakses melalui Google Classroom iaitu kumpulan Pemilik, Pelaksana, dan Warga UiTMCK. Dengan itu, data-data perancangan dapat diakses oleh semua warga kampus mengikut kekangan jenis peranan (UiTMCK Bukti 2.3.4).

Selain itu, UTU turut menyediakan Dashboard Pencapaian dari semasa ke semasa. Hal ini bagi memastikan setiap Pemilik dan Pelaksana mengemaskini pencapaian semasa seterusnya merencanakan lagi pelaksanaan perancangan dengan berkesan. Perbandingan antara Pemilik dan Pelaksana juga dipaparkan melalui graf dan carta pai sebagai motivasi untuk meningkatkan lagi usaha pencapaian PI masing-masing khususnya berkaitan Perkongsian Pintar Industri, Komuniti dan Alumni (UiTMCK Bukti 2.3.5). Maklumat-maklumat ini juga boleh diakses oleh setiap warga UiTMCK seterusnya meningkatkan lagi pencapaian PI secara maksimum. Setiap warga sentiasa dimaklumkan pencapaian semasa dan dibekalkan dengan pelbagai maklumat yang berkaitan terutama menghayati hala tuju perancangan strategik UiTM2025 seterusnya menjadikan UiTM sebuah universiti terkemuka dunia menjelang 2025.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0058\\_P01\\_PB03\\_20241\\_UiTMCK\\_BUKTI\\_2.3.1.pdf](#)
2. [K0058\\_P01\\_PB03\\_20242\\_UiTMCK\\_BUKTI\\_2.3.2.pdf](#)



3. [K0058\\_P01\\_PB03\\_20245\\_UiTMCK\\_BUKTI 2.3.3.pdf](#)
4. [K0058\\_P01\\_PB03\\_20244\\_UiTMCK\\_BUKTI 2.3.4.pdf](#)
5. [K0058\\_P01\\_PB03\\_20245\\_UiTMCK\\_BUKTI 2.3.5.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Untuk mencapai hala tuju pelan strategik UiTMCK pemantauan pelan perancangan yang telah dirancang oleh Pemilik dan Pelaksana. Pemantauan dilakukan oleh ketua PTJ dan Pelaksana. Diperingkat ketua PTJ, pelaksanaan pemantauan dilakukan melalui mesyuarat secara bulanan JEKN bersama ketua PTJ untuk menyemak, menilai, dan membandingkan pelan perancangan dan pencapaian dengan PI yang telah ditetapkan. Ia bertujuan untuk memastikan supaya PI yang telah dirancang dan dilaksanakan adalah bertepatan dengan PI dan OD yang telah ditetapkan oleh BTU selain untuk mengenalpasti masalah yang timbul dalam pelaksanaan perancangan (UITMCK Bukti 2.4.1.1).

Pemantauan juga melibatkan Pelaksana yang diminta untuk melaporkan pencapaian perancangan strategik melalui bengkel pelaporan pencapaian berkala. Bengkel ini memantau pencapaian perancangan strategik Pelaksana secara berkala, juga sebagai platform bagi Pemilik dan Pelaksana untuk menyemak dan menilai status perancangan yang dilakukan serta memberi peluang kepada Pemilik dan Pelaksana mengenalpasti masalah yang timbul semasa pelaksanaan pelan strategik. (UITMCK Bukti 2.4.1.2).

Pemantauan juga dilakukan melalui sistem i-Strategik UiTMCK, Pemilik dan Pelaksana perlu mengemaskini dan melaporkan maklumat perancangan dan pencapaian melalui borang sistem i-Strategik. Ini memastikan pencapaian Pelaksana dipantau oleh Pemilik bersesuaian dengan OD dan PI yang ditetapkan. Melalui sistem ini, Pelaksana perlu memuatnaik bukti pencapaian yang seterusnya akan disemak dan disahkan oleh Pemilik. Sistem i-Strategik sangat membantu di dalam proses pemantauan di mana ia dapat memaparkan status terkini pencapaian melalui Dashboard Pencapaian seperti Pencapaian keseluruhan UiTMCK, Graf pencapaian mengikut PI, Graf pencapaian mengikut Pemilik dan Graf pencapaian mengikut Pelaksana.

Bagi memperkasakan Perkongsian Pintar Industri, Komuniti dan Alumni di UiTMCK, pelbagai perancangan dirancang oleh Pemilik dan Pelaksana melalui i-Strategik pada 2023. UTU memantau perancangan ini melalui i-Strategik dan melalui mesyuarat berkala bersama Pemilik dan Pelaksana. Pemantauan juga dilakukan di peringkat fakulti dimana setiap perancangan Pelaksana dibentangkan dan dibincangkan dalam mesyuarat akademik fakulti untuk memastikan perancangan yang dirancang dapat dilaksanakan dengan baik. Oleh itu, pemantauan dilakukan secara sistematik melalui i-Strategik. Data perancangan dan pencapaian dapat diakses mudah melalui sistem ini. Pencapaian i-Strategik juga digunakan dalam pelaporan di mesyuarat penting dan Dashboard Pencapaian boleh diakses oleh semua warga UiTMCK melalui Google Classroom. UTU melaporkan pencapaian bulanan kepada PTJ dalam mesyuarat JKEN (UITMCK Bukti 2.4.1.3; UiTMCK Bukti 2.4.1.4; UiTMCK Bukti 2.4.1.5).

### **SENARAI BUKTI:**

1. [K0058\\_P01\\_PB04\\_PC01\\_20241\\_UiTMCK BUKTI 2.4.1.1.pdf](#)
2. [K0058\\_P01\\_PB04\\_PC01\\_20242\\_UiTMCK BUKTI 2.4.1.2.pdf](#)
3. [K0058\\_P01\\_PB04\\_PC01\\_20243\\_UiTMCK BUKTI 2.4.1.3-.pdf](#)
4. [K0058\\_P01\\_PB04\\_PC01\\_20244\\_UiTMCK BUKTI 2.4.1.4-.pdf](#)
5. [K0058\\_P01\\_PB04\\_PC01\\_20245\\_UiTMCK BUKTI 2.4.1.5-.pdf](#)

## 2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Dalam usaha untuk memastikan PI dapat dicapai pada tahun 2023 (UiTMCK Bukti 2.4.2.5), UiTMCK telah mengambil langkah dengan mengenalpasti risiko yang mungkin akan berlaku sepanjang proses pelaksanaan pencapaian PI. Langkah mengenalpasti dan pengurusan risiko telah dilaksanakan semasa bengkel perancangan strategik yang diketuai oleh Ketua-ketua PTJ dan pasukannya (UiTMCK Bukti 2.4.2.3). Proses mengenalpasti dan pengurusan risiko telah mengambil kira aspek-aspek yang melibatkan pertimbangan kos, kategori risiko, tahap risiko dan perancangan mitigasi risiko.

Bagi memastikan kelancaran pelaksanaan pelan Tindakan strategik, pihak UTU UiTMCK juga telah menyediakan templat SAP yang terperinci bagi memudahkan ketua PTJ dan pasukannya untuk mengenalpasti dan menguruskan risiko semasa bengkel perancangan strategik (UiTMCK Bukti 2.4.2.4). Antara tujuan utama penyediaan templat tersebut adalah untuk memastikan pengurusan risiko dapat dikawal dengan baik dan diselia serta dapat mengenal pasti dengan jelas berkenaan rangka projek/program/aktiviti dan sebarang risiko yang mungkin akan berlaku sepanjang proses pelaksanaan projek. Ia juga memudahkan pihak pentadbir universiti universiti untuk mendapatkan maklumat berkaitan tindakan pencegahan risiko dapat dikenalpasti bagi memastikan kelancaran pelaksanaan projek/program (UiTMCK Bukti 2.4.2.1).

Bagi mengenalpasti dan menangani risiko ketidakcapaian Petunjuk Prestasi (PI) dibawah agenda Perkongsian Pintar Industri, Komuniti dan Alumni, ketua projek yang diwakili oleh ketua PTJ dibantu oleh pasukannya telah mendaftarkan risiko tersebut di dalam Sistem UiTM Strategic Management System (UiSMS) bermula pada tahun 2023. Melalui sistem UiSMS, proses kemaskini dan analisa daftar risiko dilakukan untuk menentukan tahap impak risiko mengikut kategori, di mana empat kategori tahap impak risiko ditentukan seperti rendah, sederhana, tinggi dan extreme (UiTMCK Bukti 2.4.2.2)

Justeru, kesemua projek dan inisiatif perancangan strategik telah berjaya didaftarkan dan direkodkan dalam sistem yang telah disediakan oleh BTU dan UTU UiTMCK bagi mencapai objektif strategik dan mengatasi pelbagai risiko yang mungkin akan berlaku khususnya risiko ketidakcapaian sasaran PI bidang tumpuan Perkongsian Pintar Industri, Komuniti dan Alumni. Komunikasi dan kolaborasi cekap semua pihak dan warga UiTMCK dalam mengenalpasti dan mengatasi risiko membolehkan projek/program yang dirancang dapat dilaksanakan dengan lancar, strategik dan selamat.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0058\\_P01\\_PB04\\_PC02\\_20241\\_UiTMCK\\_BUKTI\\_2.4.2.1.pdf](#)
2. [K0058\\_P01\\_PB04\\_PC02\\_20242\\_UiTMCK\\_BUKTI\\_2.4.2.2.pdf](#)
3. [K0058\\_P01\\_PB04\\_PC02\\_20243\\_UiTMCK\\_BUKTI\\_2.4.2.3.pdf](#)
4. [K0058\\_P01\\_PB04\\_PC02\\_20244\\_UiTMCK\\_BUKTI\\_2.4.2.4.pdf](#)
5. [K0058\\_P01\\_PB04\\_PC02\\_20245\\_UiTMCK\\_BUKTI\\_2.4.2.5.pdf](#)

### 2.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Tindakan mengkaji semula dan tindakan penambahbaikan perancangan strategik UiTMCK bermula dengan proses semakan dan pemantauan berpandukan kepada pembahagian Petunjuk Prestasi (PI) kepada setiap bahagian. Tumpuan terhadap Perkongsian Pintar Industri, Komuniti dan Alumni boleh dirujuk pada Dashboard Pencapaian UiTMCK 2023 sistem i-Strategik UiTMCK. Ia merujuk kepada teras utama perancangan strategik UiTM2025 yang melibatkan teras Kecemerlangan Global memberi perhatian kepada Petunjuk Prestasi Utama yang memberi fokus kepada Jumlah MoU/MoA industri antarabangsa dan Jumlah MoU/MoA universiti antarabangsa (UiTMCK Bukti 2.4.3.4). Pemerkasaan Petunjuk Prestasi Utama tersebut adalah ke arah memperkasakan platform jaringan pintar untuk inisiatif MoU dan MoA kolaborasi berimpak tinggi dengan syarikat dan universiti di peringkat Negara dan Antarabangsa.

Bagi memperbaiki dan menambahbaik perancangan dan pencapaian Petunjuk Prestasi (PI) UiTMCK, UiTMCK melalui UTU melaksanakan siri bengkel dan Mesyuarat bersama Pemilik dan Pelaksana seperti Mesyuarat Pemantauan Pencapaian Sukuan yang bertujuan untuk mengkaji semula perancangan dan pencapaian dan seterusnya melaksanakan tindakan penambahbaikan. Sebagai contoh, UTU UiTMCK melaksanakan siri bengkel dan mesyuarat bersama Pemilik dan Pelaksana yang memberi peluang kepada Pemilik dan Pelaksana untuk berbincang dan berkomunikasi dalam usaha untuk membuat perancangan dan penstrukturan semula perancangan yang telah dirancang (UiTMCK Bukti 2.4.3.5). Tindakan ini seterusnya akan menghasilkan satu perancangan yang komprehensif dan holistik yang seterusnya dapat menghasilkan perancangan strategik yang berkualiti dan mencapai PI yang selari dengan pelan perancangan strategik UiTM2025. (UITMCK Bukti 2.4.3.1).

Bagi melonjakkan kecemerlangan Perkongsian Pintar Industri, Komuniti dan Alumni di UiTMCK, Pemilik dan Pelaksana UiTMCK telah mengambil pendekatan yang proaktif dan menekankan proses penambahbaikan secara berterusan dengan mengambil kira tindakan-tindakan yang strategik dengan teliti. Hal ini dibuktikan dengan Petunjuk Prestasi berkaitan Perkongsian Pintar Industri, Komuniti dan Alumni menunjukkan pencapaian yang baik di mana PI di bawah Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri dan Alumni (BPJIA) merekodkan peningkatan pencapaian dari masa ke semasa pada tahun 2023. Ia menunjukkan bahawa tindakan-tindakan strategik yang dilaksanakan menghasilkan pencapaian yang cemerlang yang seterusnya mendukung hasrat UiTM untuk menjadi sebuah universiti terkemuka dunia menjelang 2025 (UITMCK Bukti 2.4.3.2).

Secara keseluruhannya, kajian semula dan tindakan penambahbaikan terhadap strategi khususnya SAP agenda Perkongsian Pintar Industri, Komuniti dan Alumni telah menunjukkan peningkatan dan pencapaian Skor PI bahagian PJIA ICAN.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0058\\_P01\\_PB04\\_PC03\\_20241\\_UiTMCK BUKTI 2.4.3.1.pdf](#)
2. [K0058\\_P01\\_PB04\\_PC03\\_20242\\_UiTMCK BUKTI 2.4.3.2-.pdf](#)
3. [K0058\\_P01\\_PB04\\_PC03\\_20243\\_UiTMCK BUKTI 2.4.3.3-.pdf](#)
4. [K0058\\_P01\\_PB04\\_PC03\\_20244\\_UiTMCK BUKTI 2.4.3.4.pdf](#)
5. [K0058\\_P01\\_PB04\\_PC03\\_20245\\_UiTMCK BUKTI 2.4.3.5.pdf](#)

## 2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Bagi merealisasikan pelan strategik UiTM2025 pelan perancangan strategik UiTMCK ke arah GRU 2025, UiTMCK berusaha untuk terus menjadi penyumbang utama melalui penambahbaikan perancangan dan pelaksanaan PI secara berterusan. UTU UiTMCK telah mengambil pendekatan penambahbaikan melalui pembangunan elemen inovasi baru dengan memperkenalkan inovasi baru yang mengguna pakai aplikasi i-Strategik UiTMCK yang berkonsepkan capaian maklumat bersepadu (UiTMCK Bukti 2.5.1). Kaedah ini memudahkan lagi semua pihak untuk mengakses dan menghantar semula borang yang telah lengkap diisi oleh pelaksana. Taklimat mengenai aplikasi i-Strategik UiTMCK ini telah disebarluaskan kepada pemilik dan pelaksana pada awal tahun 2019 dan 2020.

Penggunaan aplikasi i-Strategik UiTMCK digunakan secara sistematik bermula pada peringkat perancangan dan pembangunan SAP sehingga peringkat pelaksanaan dan pemantauan aktiviti / program / projek PI yang telah diagihkan. Sebagai contoh, perancangan dan pembangunan SAP bagi bidang tumpuan Perkongsian Pintar Industri, Komuniti dan Alumni bermula dengan Pengarah Projek iaitu Timbalan Rektor PJIA mendaftarkan SAP didalam sistem i-Strategik UiTMCK dengan bantuan pengurus projek iaitu Koordinator ICAN dan ahli projek yang diwakili oleh Ketua bahagian, ketua pusat pengajian, ketua unit dan warga UiTMCK. (UiTMCK Bukti 2.5.2)

Seterusnya, projek-projek yang didaftarkan di dalam sistem i-Strategik UiTMCK akan dipantau dan dikemaskini dari masa ke semasa bagi memastikan projek yang didaftar dapat dilaksanakan dengan baik dan seterusnya mencapai sasaran PI. Sistem i-strategik UiTMCK juga dijadikan sumber utama dalam membuat pelaporan status progress peratusan pelaksanaan SAP dan skor pencapaian PI secara bulanan dan sukuan. Selain itu, sistem i-strategik juga akan diintegrasikan dengan sistem yang dibangunkan oleh BTU iaitu sistem Power BI dan Sistem UiSMS dengan membuat perbandingan dan pengesahan data berdasarkan data dari sistem BTU. (UiTMCK Bukti 2.5.3)

Seterusnya data-data tersebut akan dilaporkan secara bulanan melalui platform Whatsapp Pemilik dan Pelaksana UiTMCK serta akan dibentangkan dalam mesyuarat bulanan JKEN. Tambahan lagi, UTU UiTMCK juga turut menggunakan aplikasi Google Classroom dan Emel untuk membuat hebahan berkenaan progres perancangan dan skor pencapaian UiTMCK kepada Pemilik, Pelaksana dan seluruh warga UiTMCK. Ia bertujuan untuk menyebarkan maklumat berkaitan aktiviti, perancangan dan pelaporan pencapaian strategik UiTMCK dari masa ke semasa. (UiTMCK Bukti 2.5.4 & UiTMCK Bukti 2.5.5)

### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0058\\_P01\\_PB05\\_20241\\_UiTMCK BUKTI 2.5.1.pdf](#)
2. [K0058\\_P01\\_PB05\\_20242\\_UiTMCK BUKTI 2.5.2.pdf](#)
3. [K0058\\_P01\\_PB05\\_20243\\_UiTMCK BUKTI 2.5.3.pdf](#)
4. [K0058\\_P01\\_PB05\\_20244\\_UiTMCK BUKTI 2.5.4-.pdf](#)
5. [K0058\\_P01\\_PB05\\_20245\\_UiTMCK BUKTI 2.5.5.pdf](#)

## **KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN**

### **3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

UiTMCK amat menitikberatkan kualiti perkhidmatan dan kepuasan hati pelanggan. Oleh itu, pelbagai inisiatif, usaha dan aktiviti yang bermanfaat serta berimpak tinggi terhadap para pelanggan yang terdiri daripada pelbagai pihak seperti pelajar, komuniti, alumni, pihak industri, pembekal dan organisasi atau agensi telah dijalankan. Tahun 2023 melihat kejayaan UiTMCK merangkul beberapa anugerah hasil dedikasi kepada mutu perkhidmatan yang cemerlang dan semangat memasyarakatkan universiti. Dengan penuh yakin, UiTMCK telah memilih bidang tumpuan (BT) 'Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan' bagi penulisan Laporan AKNC 2024. UiTMCK mendokong kukuh Pelan Strategik 2025 UiTM yang berbaki kurang setahun serta sentiasa cuba membudayakan dan mengamalkan dua nilai utama ESI dan iDART. Untuk itu, pelbagai usaha dan perancangan telah diambil UiTMCK terutamanya dalam memenuhi piagam pelanggan dalam pengurusan universiti.

Dalam membuat **perancangan** hala tuju dan operasi tersusun di UiTMCK, Unit Perancangan Strategik memainkan peranan penting dan merupakan entiti utama dalam **menyebarluas** inisiatif yang dirancang. Unit ini juga menjalankan **pemantauan** terhadap semua inisiatif dan memastikan tindakan diambil bagi mencapai sasaran yang ditetapkan. Di UiTMCK, penggunaan **sistem i-Strategik** dapat membantu kelancaran proses yang dinyatakan. Ini dapat dilihat dalam pencapaian sasaran inisiatif (PI) BT yang baik dan diiktiraf melalui pelbagai anugerah. Selain itu, pelbagai bengkel, mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Negeri, Panel Pembangunan Sumber Manusia, Kajian Semula Pengurusan juga merupakan wadah **perancangan** bagi segala aktiviti UiTMCK.

**Perancangan** yang teliti seharusnya diikuti dengan **pelaksanaan** yang tersusun dan berkesan. Projek-projek komuniti, penghasilan inovasi dan penganjuran program-program yang dianjurkan merupakan manifestasi kepada **perancangan** yang telah dibuat. Projek berimpak tinggi seperti **Tatacara Pengurusan Kewangan Masjid** yang diguna pakai di seluruh Kelantan serta **Program Komuniti Lestari Sungai Pinang** yang membantu usahawan luar bandar dapat dilihat memberi kesan positif bagi BT dipilih. UiTMCK malahan merangkul tempat pertama bagi Anugerah Penarafan Bintang Terbanyak PTJ di Majlis Anugerah MeTIC 13/2024 melalui 21 projek Office of Industry, Community and Alumni Network (ICAN).

Hasil **pemantauan** berkala dan analisis pencapaian **pelaksanaan** program, UiTMCK berjaya menawarkan perkhidmatan berkualiti dan mencapai tahap kepuasan yang diharapkan kumpulan sasar. Sebagai contoh, hasil kajian UiTM Happiness Index 5.0 yang dijalankan pada tahun 2023 merekodkan tahap kegembiraan pelanggan UiTMCK pada skor 72%. Laporan Penilaian Keberkesanan Program juga memberi data maklum balas yang diperlukan bagi tujuan **pemantauan**.

**Penambahbaikan** berterusan juga amat penting dalam proses tumpuan kepada pelanggan. Hasil maklum balas serta aduan dipandang serius oleh UiTMCK. Mesyuarat peringkat tertinggi meneliti laporan yang dibuat dan tindakan diambil bagi mengatasi serta menambah baik kekurangan yang berlaku. Bengkel Pelaporan Perancangan Strategik diadakan secara berkala bagi memastikan apa-apa halangan dapat dikenal pasti. Hasil inovasi seperti **iMistroom 2000** juga dilihat sebagai **penambahbaikan** kepada proses sedia ada yang memungkinkan keuntungan besar kepada pelanggan BT UiTMCK.

### 3.2 PENDEKATAN (APPROACH)

UiTMCK mengenalpasti keperluan dan kehendak kumpulan sasaran sejajar dengan Pelan Strategik UiTM 2025, Perancangan Strategik UiTMCK 2023, Amanat Naib Canselor 2023, dan Amanat Rektor UiTMCK 2023 (UiTMCK Bukti 3.2.1). Pelan perancangan dan pelaksanaan yang memfokuskan kepentingan pelanggan kepada universiti dibentuk dan diteliti sepenuhnya berdasarkan bidang tumpuan (BT). Sifat komited dan dedikasi UiTMCK terhadap BT dapat dilihat melalui pendekatan pengenalpastian kumpulan sasaran yang terdiri daripada:

1. **Pelanggan Dalaman** yang merupakan pelajar semasa, staf akademik dan staf pelaksana
2. **Pelanggan Luaran** terdiri daripada bakal pelajar, alumni, pihak industri, pembekal dan agensi luar

Dalam usaha memastikan penglibatan aktif universiti bersama industri dan komuniti, setiap program kesukarelawan dan tanggungjawab sosial yang dirancang akan direkodkan di dalam **sistem i-Strategik**. Sistem yang tersusun dan sistematik ini mempamerkan perancangan dan pencapaian PI sepanjang tahun semasa (UiTMCK Bukti 3.2.2). Setiap perancangan program akan dibentangkan dalam *Bengkel Strategic Action Plan* (SAP) oleh Pemilik PI manakala Pelaksana perlu memastikan objektif pelaksanaan program dipetakan mengikut PI yang telah ditetapkan. Maklum balas yang diperoleh semasa bengkel dan mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Negeri (JKEN) akan dianalisis dan ditambah baik sebelum pelaksanaan program supaya kumpulan sasaran mendapat manfaat secara holistik usai penganjuran program. Pendekatan ini membuahkan hasil apabila UiTMCK telah menerima Anugerah Kecemerlangan Prestasi (Kampus) sempena AKPU 2023 (UiTMCK Bukti 3.2.2).

**12 Ikhtiar Utama** yang dinyatakan dalam **Amanat Rektor** menjadi panduan UiTMCK dalam penyediaan kerangka strategik melibatkan kumpulan sasaran BT. Bagi memenuhi keperluan rakyat, mengurangkan beban sara hidup, dan menoktahkan miskin tegar, program komuniti berimpak tinggi seperti **Program Kelestarian Keusahawanan Komuniti Sungai Pinang**, **Projek Community-Based Tourism Kepulauan Tumpat** dan **Penghasilan Produk Batik Sulam Kasih oleh penghuni Pusat Pemulihan Akhlak Machang** yang merupakan hasil bimbingan dan tunjuk ajar pihak UiTMCK kepada kumpulan sasaran telah berjaya menyumbang kepada pembangunan dan kesejahteraan masyarakat setempat (UiTMCK Bukti 3.2.3).

Selain itu, UiTMCK turut menjadikan **Amanat Naib Canselor 2023** sebagai panduan dalam menyantuni kumpulan sasaran seperti yang dinyatakan dalam Perkara 5 amanat tersebut. Perancangan inisiatif adalah tertumpu kepada Kebolehpasaran Global sejajar dengan Pelan Strategik UiTM 2025. **Kursus Pengurusan Kewangan Masjid hasil kolaborasi UiTMCK dan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK)**, **Program University Social Responsibility with Mosque Community di Jakarta, Indonesia** dan **International Volunteering Programme: Let's Stand Together with Prime Mover bersama Pengusaha Kecil Desa Permatang Johar Medan, Indonesia** adalah antara usaha UiTMCK dalam mengukuhkan peranan agensi, syarikat tempatan dan antarabangsa ke arah menjadikan UiTM sebagai Universiti Terkemuka Dunia (UiTMCK Bukti 3.2.4).

Dalam mendepani era ekonomi yang sengit dan kompetitif, pelajar semasa yang merupakan pelanggan utama adalah diberi perhatian dalam program yang dirancang. Ini dibuktikan dengan kejayaan UiTMCK merangkul **Anugerah Terbaik PTJ, Sumbangan Terkumpul Tabung Alumni Prihatin RM5** dengan jumlah dana sebanyak RM35830 digunakan untuk tujuan kebajikan para pelajar. Bahagian PJIA UiTMCK juga terlibat secara langsung dalam menyusun atur program yang melibatkan alumni sebagai pelanggan luaran. Pada tahun 2023, UiTMCK telah mendapat peruntukan **Tabung Amanah Alumni untuk Geran Program Alumni RM7000** bagi meraikan dan mengalu-alukan kedatangan semula alumni ke UiTMCK melalui penganjuran acara berprestij **Karnival Keusahawanan, Dialog Inspirasi Alumni UiTMCK**, dan **Majlis Makan Malam Seribu Kenangan** (UiTMCK Bukti 3.2.5).

**SENARAI BUKTI:**

1. [K0058\\_T01\\_TB02\\_20241\\_UiTMCK Bukti 3.2.1.pdf](#)
2. [K0058\\_T01\\_TB02\\_20242\\_UiTMCK Bukti 3.2.2.pdf](#)
3. [K0058\\_T01\\_TB02\\_20243\\_UiTMCK Bukti 3.2.3.pdf](#)
4. [K0058\\_T01\\_TB02\\_20244\\_UiTMCK Bukti 3.2.4.pdf](#)
5. [K0058\\_T01\\_TB02\\_20245\\_UiTMCK Bukti 3.2.5.pdf](#)



### 3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pengurusan UiTMCK sentiasa memberikan perhatian khusus terhadap maklum balas pelanggan untuk memastikan perkhidmatan yang berkesan dan memenuhi kehendak pelanggan melalui peningkatan kualiti dan penambahbaikan berterusan dengan kaedah, keperluan pelanggan, serta kaedah pengumpulan, penyimpanan dan pengenalpastian profil data pelanggan yang jelas dan lengkap. Pengumpulan data pelanggan diperoleh melalui pelaksanaan aktiviti, data pelunjuran dan pengambilan pelajar, serta jumlah program yang ditawarkan setiap semester mengikut keperluan semasa.

Dari aspek sumber aduan maklum balas pelanggan, data dikenalpasti melalui **Borang Aduan Maklum Balas** yang tersedia di Peti Aduan Maklum Balas Pelanggan yang disediakan di setiap bahagian serta secara dalam talian yang boleh dicapai melalui e-aduan melalui akses kepada Sistem Pengaduan Maklum Balas Pelanggan di laman sesawang UiTMCK. Aduan melalui *Google Form* yang merupakan inisiatif daripada Unit Kualiti Pengendalian Aduan dan Maklum Balas Pelanggan seperti mana yang boleh dicapai melalui laman sesawang (UiTMCK Bukti 3.3.1).

Pengenalpastian data pelanggan melalui **Permohonan Zakat** oleh pelajar yang memerlukan juga dijalankan. Permohonan ini dikendalikan oleh Unit Hal Ehwal Islam UiTMCK yang dibincangkan dan diputuskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tabung Amanah Zakat Bulanan UiTMCK. Data pemohon dan penerima akan dikumpul, dikenalpasti, disemak dan disimpan secara telus dan sistematik. Antara sumbangan zakat yang melibatkan pihak industri adalah seperti sumbangan zakat kepada asnaf UiTMCK daripada Maybank Islamic (UiTMCK Bukti 3.3.2).

Aktiviti tahunan yang bersesuaian dengan keperluan juga merupakan kaedah yang berkesan seperti **Kajian Pengesanan Graduan (SKPG 1)** yang dijalankan mendapatkan maklumbalas graduan berkaitan program pengajian, kemudahan, serta perkhidmatan di UiTM ini bertujuan membantu UiTMCK untuk memperkukuhkan inisiatif kebolehpasaran graduan supaya selari dengan Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan 2021-2025 KPT yang visinya ke arah graduan holistik dan seimbang dengan nilai kebolehpasaran global (UiTMCK Bukti 3.3.3). Selain itu, aktiviti tahunan lain seperti **Program REIACT Day 2023** yang diadakan pada setiap tahun bagi menggalakkan aktiviti penyelidikan jaringan industri, alumni dan keusahawanan dalam menghargai sumbangan para ahli akademik, pelajar serta alumni UiTMCK dalam ketiga-tiga aspek tersebut (UiTMCK Bukti 3.3.4).

Keterlibatan para pemegang taruh serta pelajar dalam aktiviti jaringan komuniti, alumni & kesukarelawan juga dapat dilihat jelas melalui (UiTMCK Bukti 3.3.5) yang mana menunjukkan kesungguhan para pensyarah serta pelajar, dan alumni dalam menyertai projek-projek serta aktiviti-aktiviti sama ada di peringkat kebangsaan ataupun antarabangsa. **Aktiviti kesukarelawan melibatkan komuniti** jelas sentiasa mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pelanggan UiTMCK termasuk pensyarah, pelajar, komuniti, serta alumni. Ini adalah sejajar dengan KPI yang ingin dicapai oleh UiTMCK melalui aspek *University Social Responsibility* (USR) yang menyumbang kepada perkembangan akademik, sahsiah serta jati diri semua warga UiTMCK.

Kesemua ini berjaya dicapai melalui peningkatan bilangan MoU serta MoA yang ditandatangani dan usahasama yang dijalin dengan pihak institusi pengajian serta pihak industri di dalam dan luar negara. Kerjasama seperti ini membuka ruang dan peluang kepada semua pelanggan UiTMCK untuk meningkatkan jaringan komuniti, melebarkan rangkaian kerjasama dan meningkatkan aktiviti kesukarelawan yang berkesan dalam kalangan pelanggan dan pemegang taruh UiTMCK.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0058\\_T01\\_TB03\\_20241\\_UiTMCK Bukti 3.3.1.pdf](#)
2. [K0058\\_T01\\_TB03\\_20242\\_UiTMCK Bukti 3.3.2.pdf](#)
3. [K0058\\_T01\\_TB03\\_20243\\_UiTMCK Bukti 3.3.3.pdf](#)
4. [K0058\\_T01\\_TB03\\_20244\\_UiTMCK Bukti 3.3.4.pdf](#)
5. [K0058\\_T01\\_TB03\\_20245\\_UiTMCK Bukti 3.3.5.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Pengurusan yang cekap dan berkesan akan menentukan kejayaan pelan perancangan dan pelaksanaan program. Aspek penting dalam menentukan pencapaian sesebuah organisasi adalah melalui amalan pemantauan, penilaian dan pengauditan secara berkala dan berterusan. Sedar akan kepentingan mengenalpasti keperluan kumpulan sasaran, UiTMCK menggunakan pelbagai mekanisma untuk mengumpul dan menganalisa maklum balas, aduan dan cadangan yang diterima supaya tindakan penambahbaikan dapat dilakukan demi kebaikan dan kepuasan hati pelanggan.

Hasil pencapaian program yang direkodkan oleh Pemilik dan Pelaksana di dalam **system i-Strategik** dibentangkan oleh Penyelaras Strategik dan Transformasi Universiti di dalam **Mesyuarat JKEN** dan **Bengkel Pelaporan Pencapaian UiTMCK** pada setiap suku tahun. Hasil laporan yang disebar luas kepada warga kampus ini membolehkan pihak bertanggungjawab memantau pencapaian PI kampus dan merancang tindakan pembetulan dan penambahbaikan yang sesuai (UiTMCK Bukti 3.4.1.1). Proses pemantauan pencapaian PI juga dilakukan oleh pihak ICAN UiTMCK melalui **Mesyuarat Jawatankuasa Jaringan Negeri (JKJN)** yang membincangkan status kebolehpencapaian PI oleh Pemilik dan Pelaksana (UiTMCK Bukti 3.4.1.2).

Hasil pemantauan berkala dan analisa pencapaian pelaksanaan program, UiTMCK berjaya menawarkan perkhidmatan berkualiti dan mencapai tahap kepuasan yang diharapkan kumpulan sasaran. Sebagai contoh, hasil kajian **UiTM Happiness Index 5.0** yang dijalankan pada tahun 2023 merekodkan tahap kegembiraan pelanggan UiTMCK pada skor 72% (UiTMCK Bukti 3.4.1.3).

Penglibatan pelanggan dalam program komuniti di pelbagai peringkat memberi manfaat besar kepada kumpulan sasaran daripada sudut pembangunan ekonomi, pemindahan ilmu pengetahuan dan pengukuhan kerjasama strategik. **Laporan Penilaian Keberkesanan Program** yang disediakan oleh Pelaksana merupakan instrumen yang mengukur keberhasilan program komuniti menunjukkan hasil dapatan positif dan memberangsangkan. Sebanyak 21 projek yang berdaftar dibawah ICAN telah mendapat penarafan 3 bintang dan kejayaan ini membolehkan UiTMCK merangkul Tempat Pertama Anugerah Penarafan Bintang Terbanyak PTJ di Anugerah MeTIC13 (UiTMCK Bukti 3.4.1.4).

Mahasiswa dan masyarakat setempat berpeluang menjana pendapatan dan meningkatkan taraf hidup mereka melalui **penghasilan inovasi** penyelidikan UiTMCK. iMistroom 2000, rumah cendawan pintar modular yang pertama di Malaysia, menghasilkan pengeluaran cendawan sehingga dua kali ganda berbanding kaedah biasa membuka peluang kepada kumpulan sasaran untuk mempelajari ilmu dan kemahiran bagi memulakan perniagaan berasaskan cendawan putih. Aplikasi E-Derak hasil daripada projek komuniti di Gugusan Kepulauan Tumpat telah membantu meningkatkan ekonomi masyarakat melalui pelan pemuliharaan industri pelancongan (UiTMCK Bukti 3.4.1.5).

### **SENARAI BUKTI:**

1. [K0058\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20241\\_UiTMCK Bukti 3.4.1.1.pdf](#)
2. [K0058\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20242\\_UiTMCK Bukti 3.4.1.2.pdf](#)
3. [K0058\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20243\\_UiTMCK Bukti 3.4.1.3.pdf](#)
4. [K0058\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20244\\_UiTMCK Bukti 3.4.1.4.pdf](#)
5. [K0058\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20245\\_UiTMCK Bukti 3.4.1.5.pdf](#)

### 3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Risiko merupakan satu komponen penting dalam menentukan keberkesanan sesuatu program. Organisasi seperti UiTMCK amat komited dalam memastikan proses pengenalpastian dan pengurusan risiko dapat dijalankan secara optimum bagi meningkatkan jaringan komuniti, alumni dan kesukarelawan. Secara umumnya, terdapat enam (6) jenis risiko yang perlu didaftarkan iaitu Risiko Strategik, Risiko Kewangan, Risiko Perundangan, Risiko Reputasi, Risiko Operasi, dan Risiko Projek. Beberapa langkah proaktif dijalankan oleh Unit Pengurusan Risiko UiTMCK seperti mengedarkan **Borang Penilaian Risiko** berkaitan kertas kerja, projek penjaan pendapatan, dan aktiviti dan program UiTM. Kesemua borang daftar risiko ini perlu diisi oleh pegawai bertanggungjawab bagi mengenalpasti risiko serta kaedah mengawal risiko (UiTMCK Bukti 3.4.2.1).

Setelah semua maklumat dikumpul, gerak kerja pengurusan risiko yang didaftarkan perlu melalui prosedur sepertimana terdapat dalam **Carta Alir Pengoperasian Pengurusan Risiko UiTM (UiTMCK Bukti 3.4.2.2)**. Ini bagi membolehkan PTJ yang mendaftarkan risiko berkenaan dapat mengikuti perkembangan serta memantau dan mendapat maklum balas yang diharapkan dalam masa yang ditetapkan. Ini juga bertujuan supaya risiko yang didaftarkan dapat dikawal serta mengurangkan kebarangkalian ianya berulang mengikut rujukan kepada **Jadual Indeks Kebarangkalian** berskala lima (5). Selain itu, perhatian juga perlu diberi dengan merujuk kepada **Jadual Tahap Impak Mengikut Kategori** dan **Matriks Kebarangkalian dan Impak** (UiTMCK Bukti 3.4.2.3).

Unit Pengurusan Risiko UiTMCK juga bertanggungjawab mengadakan mesyuarat secara berkala bagi membincangkan semua risiko yang didaftarkan oleh semua Pusat Tanggungjawab (PTJ). Kesemua PTJ terlibat perlu didedahkan dengan **Jadual Tindakan Kawalan Risiko dan Jadual Pilihan Tindakan dan Mitigasi** bagi melihat keberkesanan tindakan yang diambil ke atas semua risiko (UiTMCK Bukti 3.4.2.4).

Antara contoh risiko yang didaftarkan adalah seperti risiko berkaitan keselamatan di jalan raya, keselamatan melibatkan para pelajar, keadaan jalan dalam kawasan kampus, kemudahan bas sekolah (tenggiling), kekangan kewangan untuk tujuan penyelenggaraan, isu berkaitan tempat letak kenderaan, dan bekalan air bersih. Kesemua risiko ini berada pada tahap yang agak membimbangkan tetapi segera mendapat perhatian PTJ (UiTMCK Bukti 3.4.2.5). PTJ juga akan memastikan agar tindakan kawalan dapat diambil dan dilaksanakan dalam masa yang ditetapkan sepertimana termaktub dalam *Standard Operation Procedure (SOP)* risiko.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0058\\_T01\\_TB04\\_TC02\\_20241\\_UiTMCK Bukti 3.4.2.1.pdf](#)
2. [K0058\\_T01\\_TB04\\_TC02\\_20242\\_UiTMCK Bukti 3.4.2.2.pdf](#)
3. [K0058\\_T01\\_TB04\\_TC02\\_20243\\_UiTMCK Bukti 3.4.2.3.pdf](#)
4. [K0058\\_T01\\_TB04\\_TC02\\_20244\\_UiTMCK Bukti 3.4.2.4.pdf](#)
5. [K0058\\_T01\\_TB04\\_TC02\\_20245\\_UiTMCK Bukti 3.4.2.5.pdf](#)

### 3.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Sebagai institusi yang sentiasa cuba untuk memperbaiki mutu perkhidmatannya, UiTMCK mengambil berat akan maklumbalas dan aduan pelanggan. Ianya merupakan aspek penting dalam usaha penambahbaikan berterusan dalam menuju kecemerlangan organisasi. Terdapat beberapa langkah dan usaha yang diambil dalam menguruskan perkara ini. Mekanisma utama maklum balas dan aduan bagi UiTMCK adalah secara dalam talian seperti *Google Form* dan emel (UiTMCK Bukti 3.4.3.1). Maklumbalas dan aduan ini seterusnya akan disalurkan dan dimajukan kepada bahagian berkaitan. Sebagai contoh, maklumbalas atau aduan yang melibatkan Hal Ehwal Pelajar (HEP) akan dimajukan kepada pihak HEP untuk tindakan sewajarnya. Bahagian atau jabatan terlibat juga akan diberikan tempoh untuk menyediakan penjelasan dan jawapan kepada aduan yang dibuat. Seterusnya, pengadu akan dihubungi untuk diberikan maklum balas berkaitan (UiTMCK Bukti 3.4.3.2).

Jika melibatkan isu yang besar, mesyuarat atau perbincangan akan diadakan dengan pihak-pihak berkenaan dan merujuk pekeliling berkenaan. Hasil perbincangan akan diminitkan sebagai bukti dokumentasi. Pihak pengadu (pelanggan) akan menilai tindakan serta kaedah penyelesaian yang diambil.

Selain tindakan secara responsif terhadap aduan, UiTMCK juga mengambil langkah penambahbaikan secara berkala seperti mengadakan mesyuarat, bengkel dan kursus. Mesyuarat-mesyuarat utama seperti Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP), Mesyuarat Perancangan Strategik dan Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia PPSM) merupakan langkah penambahbaikan penting dalam pengurusan universiti. Laporan aduan dan maklumbalas contohnya akan dibentangkan dalam mesyuarat MKSP dan dibincangkan bagi mengelakkan aduan berulang (UiTMCK Bukti 3.4.3.3).

Bagi tindakan proaktif, bengkel, seminar dan kursus telah diadakan dalam memastikan segala bentuk perancangan dan pengendalian universiti berjalan lancar dan berkualiti. Ini dapat dilihat dalam pengendalian Bengkel Pelaporan Pencapaian UiTMCK Sukuan Pertama di mana pemilik dan pelaksana akan melaporkan tahap pencapaian PI mereka. Bagi prestasi pencapaian tidak memberangsangkan, pihak pengurusan telah mengambil langkah untuk membantu usaha pencapaian. Hasilnya, sebagai contoh, 7 PI dibawah BT UiTMCK berjaya mencapai sasaran 100% (UiTMCK Bukti 3.4.3.4). Pembangunan sistem i-Strategik bagi tujuan pemantauan dan penambahbaikan juga memastikan proses berkaitan berjalan lancar dan tersusun (UiTMCK Bukti 3.4.3.5).

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0058\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20241\\_UiTMCK Bukti 3.4.3.1.pdf](#)
2. [K0058\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20242\\_UiTMCK Bukti 3.4.3.2.pdf](#)
3. [K0058\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20243\\_UiTMCK Bukti 3.4.3.3.pdf](#)
4. [K0058\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20244\\_UiTMCK Bukti 3.4.3.4.pdf](#)
5. [K0058\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20245\\_UiTMCK Bukti 3.4.3.5.pdf](#)

### **3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)**

UiTMCK sentiasa berusaha memasyarakatkan universiti terutamanya di negeri Kelantan. Bersesuaian dengan BT UiTMCK bagi tahun 2023, pembudayaan perkhidmatan cemerlang bagi pelanggan terutamanya alumni dan komuniti diteruskan melalui pelbagai inisiatif dan aktiviti.

Antara projek berimpak tinggi yang dibanggakan oleh UiTMCK adalah Projek Pengurusan Kewangan Masjid hasil kerjasama Fakulti Perakaunan UiTMCK dan Majlis Agama Islam dan Adat istiadat Melayu Kelantan (MAIK). Setelah melalui pelbagai peringkat penambahbaikan dan pemurnian melalui pelaksanaan di seluruh negeri Kelantan, projek ini telah membuahkan hasil. Pada 15 Ogos 2023, satu manual Prosedur Operasi Standard (SOP) Tatacara Pengurusan Kewangan Masjid telah dilancarkan dan diguna pakai oleh semua masjid di negeri Kelantan. Pembudayaan hasil inovasi ini juga cuba diterapkan di peringkat antarabangsa melalui program kolaborasi bersama Universitas Pembangunan Nasional Veteran Jakarta (UPNVJ), Indonesia (UiTMCK Bukti 3.5.1). Lebih manis lagi apabila projek ini berjaya merangkul tempat pertama Anugerah Projek komuniti Hasil Penyelidikan/Inovasi pada Majlis Anugerah MeTIC 13/2023 (UiTMCK Bukti 3.5.2).

Keusahawanan adalah bidang yang telah lama wujud di kalangan Masyarakat. Namun begitu, ianya perlu selari dengan peredaran kemajuan semasa. UiTMCK menyedari kepakaran yang ada dapat membantu komuniti setempat dalam melestarikan keusahawanan melalui saluran digital. Dengan itu, satu projek yang dinamakan 'Program Kelestarian Keusahawanan Komuniti Sungai Pinang' telah dijalankan. Program ini memperlihatkan pencapaian yang signifikan dalam membekalkan peserta dengan pengetahuan, kemahiran, dan perspektif yang berkaitan dengan keusahawanan digital. Melalui pelaksanaan program ini, peserta telah berhasil meningkatkan kefahaman mereka mengenai konsep dan amalan keusahawanan digital, serta mampu mengaplikasikan strategi tersebut dalam operasi perniagaan mereka. Program ini juga mendapat pengiktirafan apabila memenangi tempat ketiga Anugerah Projek Komuniti Lestari pada Majlis Anugerah MeTIC 13/2023 (UiTMCK Bukti 3.5.3).

Satu lagi inovasi menarik dihasilkan oleh UiTMCK adalah sistem iMistroom 2000 iaitu rumah cendawan pintar modular yang pertama di Malaysia untuk menghasilkan cendawan tiram putih. Sistem iMistroom yang menggunakan teknologi IoT yang dibangunkan bukan sahaja dapat meningkatkan pengeluaran tanaman cendawan hingga dua kali ganda berbanding kaedah biasa, malah membantu mahasiswa dan komuniti setempat menjana pendapatan untuk meningkatkan taraf hidup mereka. Dengan menggunakan sistem iMistroom, pendapatan dapat dijana sehingga RM10,000 sebulan (UiTMCK Bukti 3.5.4).

Alumni merupakan pelanggan penting bagi UiTMCK. Hubungan kukuh perlu diwujudkan antara universiti dan bekas pelajar dalam satu simbiosis yang unggul. Pelbagai inisiatif dijalankan UiTMCK bagi memastikan alumni sentiasa merasa dekat dan relevan dengan universiti tempat mereka menuntut ilmu. Program-program seperti Karnival Keusahawanan, Dialog Inspirasi Alumni UiTM Cawangan Kelantan, Majlis Makan Malam Seribu Kenangan dan Alumni Fun Run adalah sebahagian inisiatif yang dijalankan sepanjang tahun 2023. Hasilnya, alumni UiTMCK tidak merasa janggal dan ketinggalan dari aktiviti-aktiviti dalam kampus walaupun telah menjadi warga umum. Ini dibuktikan apabila UiTMCK telah memenangi Anugerah Pencapaian Terbaik PTJ: Sumbangan Terkumpul Tabung Alumni Prihatin RM5 di Majlis MeTIC 13/2023 (UiTMCK Bukti 3.5.5).

Pelanggan adalah entiti penting dalam pengurusan universiti keramat UiTM. Alumni dan Komuniti yang merupakan sebahagian dari pelanggan UiTM sentiasa diraikan oleh UiTMCK. Ianya dapat dilihat dari pelbagai anugerah yang dimenangi serta pembudayaan kualiti gerak kerja dan kehidupan yang lebih baik.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0058\\_T01\\_TB05\\_20241\\_UiTMCK Bukti 3.5.1.pdf](#)
2. [K0058\\_T01\\_TB05\\_20242\\_UiTMCK Bukti 3.5.2.pdf](#)
3. [K0058\\_T01\\_TB05\\_20243\\_UiTMCK Bukti 3.5.3.pdf](#)
4. [K0058\\_T01\\_TB05\\_20244\\_UiTMCK Bukti 3.5.4.pdf](#)
5. [K0058\\_T01\\_TB05\\_20245\\_UiTMCK Bukti 3.5.5.pdf](#)

## **KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN**

### **4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

UiTM Cawangan Kelantan (UiTMCK) memberikan tumpuan utama kepada pengumpulan, penterjemahan, dan analisis maklumat untuk meningkatkan prestasi dan mutu perkhidmatan kampus. Dengan slogan "Championing Datapreneurship, Empowering Community," kampus ini berusaha memastikan semua aktiviti dilaksanakan dengan cekap, berakauntabiliti, dan memberikan maklumat yang tepat kepada pelanggan dalaman dan luaran pada masa yang sesuai. Pada tahun 2023, UiTMCK mencapai kadar pencapaian keseluruhan sebanyak 74%, dengan indikator PI075 dan PI076 menunjukkan prestasi cemerlang, masing-masing mencapai 100%. Pencapaian melebihi sasaran dalam dana luar (PI077) dan manfaat kepada komuniti (PI079) mencerminkan kejayaan dalam menarik sokongan dan melaksanakan inisiatif dengan berkesan.

Program-program yang melibatkan alumni, komuniti, dan aktiviti sukarelawan menunjukkan hasil yang memberangsangkan, seperti sumbangan terkumpul Tabung Alumni Prihatin RM5 yang dilancarkan untuk membantu pelajar yang memerlukan. Program ini tidak hanya menyediakan sokongan kewangan tetapi juga memastikan akses pendidikan yang lebih adil dalam era digital. Selain itu, pelaksanaan program khidmat masyarakat seperti Bengkel Terapi Seni Lukis dan Program Semarak Kasih UiTMCK serta pelbagai bengkel yang diadakan telah mencapai sasaran yang ditetapkan, membuktikan komitmen UiTMCK dalam meningkatkan kesejahteraan masyarakat setempat. Untuk memastikan kejayaan program-program ini, UiTMCK memantau dan menganalisis data secara berkala. Proses ini melibatkan pengumpulan data dari pelbagai sumber, penilaian prestasi, dan penambahbaikan berterusan. Data yang dikumpul digunakan untuk menilai keberkesanan program, memperbaiki dasar, serta meningkatkan kolaborasi akademik dan penyelidikan.

Kejayaan ini menunjukkan bahawa UiTMCK telah memenuhi KPI yang ditetapkan oleh ICAN, dengan pencapaian yang memberikan impak positif terhadap pembangunan sosial dan ekonomi masyarakat setempat. UiTMCK juga telah melaksanakan pendekatan inovatif dalam mengukur pencapaian prestasinya. Dalam konteks ICAN, pencapaian tahun 2023 menunjukkan kejayaan dalam mencapai objektif yang ditetapkan melalui program-program yang melibatkan penglibatan aktif alumni, komuniti, dan sukarelawan. Pengumpulan data, analisis, dan pelaksanaan inovasi telah membantu UiTMCK mencapai prestasi yang konsisten dan berdaya saing. Ini termasuk pencapaian dalam program khidmat masyarakat dan penglibatan staf dalam aktiviti pelajar dan komuniti, yang menyokong misi, visi, dan falsafah UiTMCK.

Dengan pendekatan ini, UiTMCK memastikan bahawa setiap inisiatif dan program yang dilaksanakan bukan sahaja relevan tetapi juga berkesan, memberikan impak signifikan terhadap pencapaian objektif ICAN. Prestasi yang ditunjukkan pada tahun 2023 adalah bukti kejayaan UiTMCK dalam meningkatkan mutu perkhidmatan dan mencapai objektif strategik yang ditetapkan, memperkukuhkan kedudukannya sebagai institusi yang cemerlang dan berdedikasi dalam memberikan sumbangan yang bermakna kepada masyarakat dan industri. UiTMCK, sebagai organisasi yang dinamik, menerapkan pendekatan tersendiri untuk mengukur pencapaian prestasinya, berlandaskan keadaan semasa dan permasalahan terkini, serta melakukan inovasi berterusan untuk mencapai prestasi yang menyeluruh dan konsisten, memastikan pencapaian objektif, misi, visi, dan falsafahnya.



## 4.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Agenda pemeraksanaan alumni, komuniti dan kesukarelawan dalam kalangan warga UiTMCK bukanlah perkara asing, kerana ideologi ini diterapkan menerusi slogan rasmi kampus iaitu “*Championing Datapreneurship, Empowering Community*” yang dipaparkan pada laman rasmi web kampus (UiTMCK Bukti 4.2.1). Dalam mencapai hasrat ini, semua unit dan bahagian di UiTMCK mengambil langkah proaktif dalam menganjurkan program-program yang melibatkan alumni, komuniti juga berbentuk kesukarelawan. Inisiatif ini tidaklah dilakukan sekadar hanya untuk memenuhi *KPI* yang telah ditetapkan oleh kampus induk, ianya juga adalah sebagai usaha bagi meningkatkan ketampakan UiTMCK amnya.

Program-program yang dilaksanakan oleh unit dan bahagian di UiTMCK yang membabitkan penglibatan alumni, komuniti dan masyarakat dipetakan menerusi PI yang telah ditetapkan, dan pemetaan ini telah berjaya memacu kepada keberhasilan program-program yang menyumbang kepada pencapaian *PI-PI* tersebut (UiTMCK Bukti 4.2.2). Pelaksanaan program yang melibatkan alumni, komuniti dan kesukarelawan tidak hanya dianjurkan oleh unit dan bahagian tertentu di UiTMCK, sebaliknya ianya melibatkan semua warga kampus dari semua unit, bahagian termasuk warga akademik dan fakulti.

UiTMCK menggunakan semua sumber yang ada dalam memastikan keberhasilan program yang berimpak tinggi, selain menyumbang kepada kemajuan dan perkembangan kampus. Komitmen dan usaha yang digembeng oleh semua warga UiTMCK telah berjaya menyumbang kepada keberhasilan pencapaian *PI-PI* yang telah diagihkan oleh kampus induk. Hasil keringat yang dicurahkan telah menjadikan UiTMCK sebagai kampus yang menjadi penyumbang utama kepada pencapaian *KPI* bagi Pejabat Timbalan Naib Canselor, Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni (ICAN) bagi tahun 2023. (UiTMCK Bukti 4.2.3).

Dalam memastikan kebolehcapaian objektif program-program yang telah dilaksanakan, ianya adalah mustahil tanpa pemantauan dan penyeliaan rapi dari penyelar-as-penyelar-as bahagian. Sehubungan itu, pelantikan penyelar-as mengikut unit telah dilakukan di Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri dan Alumni (PJIA) UiTMCK yang meliputi unit-unit berfokus antaranya Penyelar-as Jaringan Alumni, Penyelar-as Jaringan Komuniti, juga Penyelar-as Jaringan Industri (UiTMCK Bukti 4.2.4). Selain itu, kebolehlaksanaan program-program ini juga didukung dengan sokongan yang jitu dan padu daripada pihak pengurusan tertinggi UiTMCK.

Selain itu, kualiti kertas kerja yang dihantar untuk pertimbangan pihak pengurusan UiTMCK juga diambil kira. Unit, bahagian waima pelajar yang berhasrat untuk menganjurkan program perlu mematuhi format dan tarikh penghantaran yang telah ditetapkan bagi diluluskan dalam mesyuarat yang berkaitan. Kertas kerja perlu di hantar melalui sistem KW3P dan mengikut template yang telah disediakan (UiTMCK Bukti 4.2.5). Ini adalah penting bagi memastikan kertas kerja yang diluluskan serta dana yang diberikan bagi penganjuran sesebuah program mencapai objektif serta menyumbang kepada pencapaian PI yang telah ditetapkan, selain meninggalkan kesan yang positif kepada penganjur juga peserta.

Secara dasarnya, usaha memperhebatkan penglibatan alumni, komuniti dan aktiviti kesukarelawan di UiTMCK bukanlah sesuatu yang janggal, kebersamaan dan komitmen yang disumbangkan oleh warga UiTMCK dalam penganjuran program-program yang berimpak positif yang melibatkan alumni juga komuniti adalah ibarat sungai yang mengalir, terus memberi kebaikan dan manfaat kepada semua.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [K0058\\_A01\\_AB02\\_20241\\_UiTMCK Bukti 4.2 \(1\).pdf](#)
2. [K0058\\_A01\\_AB02\\_20242\\_UiTMCK Bukti 4.2 \(2\).pdf](#)
3. [K0058\\_A01\\_AB02\\_20243\\_UiTMCK Bukti 4.2 \(3\).pdf](#)
4. [K0058\\_A01\\_AB02\\_20244\\_UiTMCK Bukti 4.2 \(4\).pdf](#)



### 4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pengukuran sistem utama UiTMCK telah dibuat secara berterusan sepanjang tahun 2023. Laman web rasmi UiTMCK, Direktori Staf UiTMCK, dan sistem alumni UiTM juga menyediakan pelbagai maklumat rasmi berkenaan dengan kampus, staf, pelajar dan juga semua aktiviti yang dijalankan di dalam dan luar kampus untuk tatapan umum.

Setiap aktiviti program yang telah diadakan telah disebar luas melalui beberapa platform utama iaitu Facebook, Instagram, Twitter dan Youtube juga bertindak sebagai medium informasi dan berita bagi menyampaikan segala aktiviti-aktiviti yang berlaku di dalam dan luar kampus kepada tatapan umum. Sebagai contoh, Centre for Planning and Strategic Information (CSPI), telah bertanggungjawab di dalam melaksanakan tadbir urus pengurusan UiTM secara sistematik. CSPI juga turut menyediakan maklumat dan data rasmi kepada pihak luar, samada di peringkat kebangsaan, mahupun antarabangsa (UiTMCK Bukti 4.3.1)

Bagi mencapai bidang tumpuan jaringan alumni, komuniti dan sukarelawan, pihak ICAN bertungkus lumus merekod dan mengumpul data-data yang berkaitan seperti program yang telah dilaksanakan, bilangan komuniti, jumlah dana dan sebagainya, melalui program dan aktiviti yang diadakan di dalam atau luar kampus (UiTMCK Bukti 4.3.2).

Antara program dan aktiviti yang telah alumni UiTMCK jalankan adalah Alumni UiTMCK telah menyumbang kepada komuniti dan pelajar dengan pelbagai cara yang sangat signifikan. Salah satu inisiatif yang menonjol adalah penubuhan Tabung Alumni Prihatin RM5 yang bertujuan untuk membantu pelajar-pelajar UiTMCK yang memerlukan, terutama mereka yang terkesan oleh pandemik COVID-19. Dana ini digunakan untuk menyokong pelajar dalam meneruskan pengajian mereka dengan bantuan kewangan. Sehingga Disember 2023, dana yang terkumpul dari Kampus Machang dan Kota Bharu adalah lebih daripada RM32,000, yang memberi manfaat kepada ramai pelajar. Selain itu, alumni juga telah melancarkan program seperti "1 Alumni 1 Laptop" untuk membantu pelajar yang kurang berkemampuan mendapatkan peranti komputer yang diperlukan untuk pembelajaran dalam talian. Program ini merupakan satu lagi usaha alumni dalam memastikan kesaksamaan akses pendidikan, terutama dalam era digital ini. (UiTMCK Bukti 4.3.3).

Penglibatan unit ICAN dan Fakulti bagi program komuniti dan sukarelawan yang telah dijalankan antara staf dan pelajar. Ini dapat dibuktikan melalui "Bengkel Terapi Seni Lukis Bersama Komuniti Austistik" Program Ihya Ramadhan 1444/2023M: Sentuhan Kasih FLIPS UiTMCK Bersama Rumah Anak Yatim Lilbanat Darulnaim. (UiTMCK Bukti 4.3.4)

Penyelaras ICAN UiTMCK membuat laporan secara menyeluruh terhadap hasil pengumpulan data. Dengan menggunakan data yang terkumpul analisis pencapaian semasa dan pencapaian terdahulu telah dibuat. Pencapaian ini di analisis menggunakan mekanisme jadual, carta garis bagi melihat prestasi pencapaian semasa. Seterusnya Pembentangan KPI peringkat Kampus oleh Ketua/Wakil PTJ kepada pihak pengurusan diadakan setiap suku tahun. Ini adalah untuk memastikan prestasi program berjalan dengan baik. (UiTMCK Bukti 4.3.5)

Inisiatif-inisiatif ini menunjukkan alumni UiTMCK aktif dalam menyumbang kepada kesejahteraan pelajar dan komuniti mereka, memperkukuhkan hubungan antara institusi dan bekas pelajar. Perluasan ini dapat membantu Unit ICAN di PJA menjadi lebih berdaya saing dan memberikan impak yang lebih besar dalam pembangunan kerjaya dan jaringan industri.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0058\\_A01\\_AB03\\_20241\\_UiTMCK Bukti 4.3 \(1\).pdf](#)
2. [K0058\\_A01\\_AB03\\_20242\\_UiTMCK BUKTI 4.3.2 .pdf](#)
3. [K0058\\_A01\\_AB03\\_20243\\_UiTMCK BUKTI 4.3.3 .pdf](#)

4. [K0058\\_A01\\_AB03\\_20244\\_UITMCK BUKTI 4.3.4 .pdf](#)
5. [K0058\\_A01\\_AB03\\_20245\\_UITMCK BUKTI 4.3.5 .pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

UiTMCK sangat menitikberatkan kualiti penghasilan sesuatu program. Oleh itu, setiap program yang dijalankan oleh unit atau bahagian diwajibkan untuk menghantar laporan program. Selain daripada itu templat laporan selepas program juga disediakan bagi memastikan setiap laporan yang dihantar adalah konsisten dalam menepati format yg telah ditetapkan (UiTMCK Bukti 4.4.1.1,UiTMCK Bukti 4.4.1.2 & UiTMCK Bukti 4.4.1.3 ).

Dalam mendukung agenda Globally Renowned University (GRU) 2025, tema strategik 5 iaitu Perkongsian Pintar Industri, Komuniti dan Alumni. UiTMCK bergerak seiring dalam menganjurkan program-program yg berunsurkan pada tema ini. Dalam mencapai hasrat ini, unit ICAN di bawah pejabat PJIA memastikan bahawa setiap program yg dilaksanakan selari dengan Petunjuk Prestasi Utama atau Key Performance Indicator (KPI) yang telah ditetapkan mengikut tema. Pemantau pencapaian KPI ini dilakukan 2 kali setahun (UiTMCK Bukti 4.4.1.4) dalam Mesyuarat Pemantauan Pencapaian oleh Unit Strategik dan Transformasi.

Komitmen yang diberikan oleh warga UiTMCK dalam memastikan keberhasilan program alumni, komuniti dan kesukarelawan tidak boleh dinafikan. Ini dapat dibuktikan dengan pembentangan pencapaian atau pelaksanaan program yang telah dilaksanakan oleh setiap bahagian atau unit di UiTMCK. Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) yang diadakan setiap 4 kali setahun dihadiri oleh ketua unit adalah platform dalam mengenal pasti unit atau bahagian yang gagal dalam mencapai KPI yang telah diagihkan kepada setiap unit atau bahagian, dan langkah penambahbaikan akan dicadangkan dalam mesyuarat ini (UiTMCK Bukti 4.4.1.5)

### **SENARAI BUKTI:**

1. [K0058\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20241\\_UiTMCK\\_BUKTI\\_4.4.1\\_\(1\).pdf](#)
2. [K0058\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20242\\_UiTMCK\\_BUKTI\\_4.4.1\\_\(2\).pdf](#)
3. [K0058\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20243\\_UiTMCK\\_BUKTI\\_4.4.1\\_\(3\).pdf](#)
4. [K0058\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20244\\_UiTMCK\\_BUKTI\\_4.4.1\\_\(4\).pdf](#)
5. [K0058\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20245\\_UiTMCK\\_BUKTI\\_4.4.1\\_\(5\).pdf](#)

#### **4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)**

Untuk memastikan kejayaan dan impak positif setiap program yang dijalankan oleh UiTMCK, analisis dan pengukuran selepas program amatlah penting. Melalui proses ini, pencapaian objektif program dapat diukur dengan lebih tepat, memastikan sumber yang digunakan memberi hasil yang diinginkan. Selain itu, pengukuran impak membantu menilai kesan positif yang diberikan oleh program kepada peserta atau komuniti sasaran. Proses analisis ini juga berfungsi untuk mengenal pasti kekuatan dan kelemahan program. Maklumat yang diperoleh daripada analisis ini sangat berharga untuk melakukan penambahbaikan pada program-program akan datang, yang seterusnya meningkatkan peluang kejayaan pada masa hadapan. Pendekatan ini memastikan bahawa program-program yang dijalankan bukan sahaja relevan dan efektif tetapi juga selaras dengan visi dan misi UiTMCK untuk memberikan sumbangan yang bermakna kepada masyarakat. Dengan demikian, analisis dan pengukuran selepas program adalah alat yang kritikal dalam memacu kejayaan dan keberkesanan jangka panjang setiap inisiatif yang dilaksanakan. Sebagai contoh (UiTMCK Bukti 4.4.2.1, UiTMCK Bukti 4.4.2.2, UiTMCK Bukti 4.4.2.3, UiTMCK Bukti 4.4.2.4) laporan ini dapat membuktikan program yang dijalankan adalah berjaya dengan tiada isu-isu risiko yang dihadapi sewaktu program dijalankan.

Dalam mengenalpasti dan mengelakkan risiko, UiTMCK turut mengenalkan Borang Penilaian Penceramah Luar UiTM (UiTMCK Bukti 4.4.2.5). Ianya adalah instrumen yang digunakan untuk menilai dan mengenal pasti risiko berkaitan dengan penceramah yang dijemput oleh UiTM. Proses ini penting untuk memastikan bahawa penceramah yang dipilih memenuhi kriteria dan standard yang telah ditetapkan oleh universiti. Tujuan utama penilaian ini adalah untuk memastikan bahawa penceramah mempunyai kelayakan, pengalaman, dan reputasi yang sesuai, serta tidak menimbulkan sebarang risiko kepada institusi. Ini termasuk memastikan bahawa penceramah tidak membawa agenda yang bertentangan dengan nilai-nilai atau dasar-dasar UiTM. Secara keseluruhan, borang penilaian ini membantu UiTM dalam mengekalkan standard kualiti dan memastikan bahawa setiap penceramah yang diundang mampu memberikan sumbangan positif kepada komuniti akademik dan tidak menjejaskan reputasi universiti.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0058\\_A01\\_AB04\\_AC02\\_20241\\_UiTMCK Bukti 4.4.2 \(1\).pdf](#)
2. [K0058\\_A01\\_AB04\\_AC02\\_20242\\_UiTMCK BUKTI 4.4.2 \(2\).pdf](#)
3. [K0058\\_A01\\_AB04\\_AC02\\_20243\\_UiTMCK BUKTI 4.4.2 \(3\).pdf](#)
4. [K0058\\_A01\\_AB04\\_AC02\\_20244\\_UiTMCK BUKTI 4.4.2 \(4\).pdf](#)
5. [K0058\\_A01\\_AB04\\_AC02\\_20245\\_UiTMCK Bukti 4.4.2 \(5\).pdf](#)

#### 4.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Borang Penilaian Risiko (Borang A) (UiTMCK Bukti 4.4.3.1) adalah kaedah yang sistematik dan komprehensif untuk menilai dan mengurus risiko yang berkaitan. Proses ini bukan sahaja membantu memastikan keselamatan dan keberkesanan program tetapi juga menyediakan panduan untuk penambahbaikan berterusan. Di dalam borang ini, PTJ yang terlibat perlu menyatakan penilaian risiko yang dibahagikan kepada 6 kategori risiko iaitu risiko strategik di mana risiko yang boleh mempengaruhi pencapaian objektif jangka panjang organisasi atau program. Bagi risiko operasi ianya berkaitan dengan pelaksanaan harian program, termasuk masalah yang timbul daripada kegagalan proses atau sistem. Selain itu, risiko reputasi pula melibatkan risiko yang boleh menjejaskan nama baik atau imej organisasi, termasuk risiko yang timbul daripada persepsi awam. Bagi risiko perundangan pula, ianya berkaitan dengan kepatuhan terhadap undang-undang, peraturan, atau garis panduan yang berkaitan dengan program. Selain dari itu, risiko kewangan pula melibatkan kesan kewangan, termasuk kerugian atau perbelanjaan yang tidak dirancang dan akhir sekali adalah risiko projek iaitu risiko yang berkaitan dengan pencapaian matlamat atau hasil projek, termasuk risiko yang mempengaruhi jadual, kos, atau kualiti projek (UiTMCK Bukti 4.4.3.2).

PTJ akan mengisi Borang A, dan setelah lengkap, borang ini akan dihantar kepada Unit Pengurusan Risiko untuk dianalisis. Koordinator Pengurusan Risiko di UPR akan menerima Borang A dan melakukan semakan ke atas penilaian risiko yang telah dihantar oleh PTJ. Ini termasuk memeriksa sama ada penilaian risiko tersebut telah dilaksanakan dengan betul. Jika pihak UPR berpuas hati, Borang A akan dikembalikan kepada PTJ dan haruslah mengemukakan Borang A tersebut kepada Timbalan Naib Canselor (TNC) yang berkaitan untuk mendapatkan ulasan dan tandatangan. Jika mempunyai sebarang isu, Borang A akan dikembalikan kepada PTJ untuk dilakukan pembaikan atau penambahbaikan yang diperlukan. Selepas itu, PTJ perlu menghantar semula Borang A kepada UPR untuk disemak semula. Setelah Borang A diterima daripada PTJ yang telah disemak oleh UPR, TNC yang berkaitan akan memberikan ulasan akhir dan menandatangani Borang A tersebut sebagai tanda persetujuan dan pengesahan ke atas penilaian risiko yang telah dibuat (UiTMCK Bukti 4.4.3.3), mengikut jadual impak risiko, jadual tahap risiko dan matrik risiko (UiTMCK Bukti 4.4.3.4, UiTMCK Bukti 4.4.3.5).

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0058\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20241\\_UiTMCK Bukti 4.4.3 \(1\) .pdf](#)
2. [K0058\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20242\\_UiTMCK Bukti 4.4.3.\(2\).pdf](#)
3. [K0058\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20243\\_UiTMCK Bukti 4.4.3.\(3\).pdf](#)
4. [K0058\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20244\\_UiTMCK Bukti 4.4.3.\(4\).pdf](#)
5. [K0058\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20245\\_UiTMCK Bukti 4.4.3.\(5\).pdf](#)

## 4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pembudayaan kerja di UiTMCK amat berkait rapat dengan perkongsian maklumat yang jelas, telus dan efisien. Sebagai satu usaha menambahbaik prestasi organisasi, perkongsian maklumat samada di peringkat UiTMCK atau masyarakat luar amat dititikberatkan. Dalam memastikan perkongsian maklumat dapat dijalankan dengan berkesan, proses penyampaian maklumat yang sahih dititikberatkan dalam kalangan warga UiTMCK. Ia juga adalah usaha berterusan yang telah pun diamalkan di UiTMCK sejak sekian lama sehingga sekarang dan sentiasa diperbaharui menurut peredaran zaman dan kemajuan teknologi. UiTMCK sebagai sebuah organisasi yang dinamik mempunyai pendekatan tersendiri bagi mengukur pencapaian prestasinya. Ia diilhamkan melalui keadaan semasa atau permasalahan terkini yang dihadapi. Ia kemudiannya ditambah baik dengan beberapa inovasi untuk tujuan penambahbaikan berterusan bagi mencapai prestasi yang menyeluruh dan konsisten.

Berdasarkan data yang dikumpul dan dianalisis terdapat banyak penambahbaikan yang telah dilaksanakan di UiTMCK. Antaranya ialah menggalakkan penglibatan staf dalam program khidmat masyarakat dan kesukarelawan kerana ianya telah memberi peluang kepada staf untuk menimba pengalaman baru, menambah ilmu pengetahuan dan juga meningkatkan kepakaran terutamanya dengan adanya Knowledge Transfer Program (KTP). Pada tahun 2023, UiTMCK telah mensasarkan sebanyak 49 program University Social Responsibility (USR) dan 1 bagi Knowledge Transfer Programmes (KTP) dengan mencapai 100%. Program khidmat kepakaran alumni mencapai 100% dan kejayaan alumni menjadi usahawan dicapai 83% (UiTMCK Bukti 4.5.1). Ini kerana melalui program ini terdapat aktiviti pembelajaran, pertukaran kepakaran dan pemindahan pengetahuan melalui perkongsian idea kreatif dan inovatif, hasil penyelidikan, pengalaman dan kemahiran antara universiti, industri dan masyarakat (UiTMCK Bukti 4.5.2).

Program Alumni UiTMCK seperti Program Alumni UiTMCK perkongsian dan ukhwhah yang menjadi amalan dan diadakan secara berkala untuk mengumpul data terkini alumni UiTMCK disamping berkongsi informasi berkenaan dengan peluang pekerjaan, iklan dan aktiviti. Program ini bukan sahaja dapat menghubungkan alumni (tidak kira di mana mereka berada) dengan UiTMCK malah membantu mengekalkan jaringan yang baik dan berpanjangan di antara kedua-dua pihak (UiTMCK Bukti 4.5.3). Dengan memberi penekanan kepada KTP pihak pengurusan UiTMCK melalui Objektif Kualiti Staf (OKS 4) telah berjaya mencapai sasaran KPI sekurang-kurangnya sebanyak 80% staf akademik melibatkan diri dalam kegiatan pelajar dan program khidmat masyarakat atau salah satu daripadanya pada setiap tahun (UiTMCK Bukti 4.5.4). Seterusnya jaringan antara pihak luar juga turut dipertingkatkan. Antaranya ialah UiTMCK telah menambah bilangan memorandum of understanding (MoU) yang melibatkan penyelidikan bersama industri secara berterusan (UiTMCK Bukti 4.5.5).

Bagi meningkatkan kepakaran staf dan jalinan industri pula bilangan staf yang dihantar untuk menjalankan latihan industri bersama industri turut ditambah. Sebagai sebuah universiti yang berjaya ia bukan sahaja memfokuskan kepada PdP tetapi juga harus peka dengan keadaan sosioekonomi masyarakat setempat. Oleh itu, menyedari kepentingan itu dan visibility sesebuah universiti, UiTMCK telah meningkatkan jumlah program khidmat masyarakat yang diadakan bersama komuniti setempat.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0058\\_A01\\_AB05\\_20241\\_UiTMCK BUKTI 4.5\(1\)..pdf](#)
2. [K0058\\_A01\\_AB05\\_20242\\_UiTMCK BUKTI 4.5 \(2\)..pdf](#)
3. [K0058\\_A01\\_AB05\\_20243\\_UiTMCK BUKTI 4.5 \(3\).pdf](#)
4. [K0058\\_A01\\_AB05\\_20244\\_UiTMCK BUKTI 4.5\(4\).pdf](#)
5. [K0058\\_A01\\_AB05\\_20245\\_UiTMCK BUKTI 4.5 \(5\).pdf](#)



## **KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA**

### **5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

UiTMCK mempunyai daya kekuatan sumber manusia seramai 665 orang yang terdiri daripada 317 staf akademik dan 348 staf bukan akademik. Bagi merealisasikan matlamat menjadi universiti terkemuka dunia, perancangan strategik dilaksanakan secara sistematik serta melibatkan pelbagai pihak terutama pihak pengurusan kampus dan juga pusat tanggungjawab (PTJ) seperti bahagian HEA, HEP, PJIA, Pentadbiran, Kewangan, Pengurusan Fasilitas dan Perpustakaan.

Dalam aspek **Perancangan (Plan)**, UiTMCK komited dalam pembangunan sumber manusia untuk memperkukuh jaringan alumni, komuniti, dan sukarelawan. UiTMCK sentiasa menilai keperluan sumber manusia mengikut polisi yang telah ditetapkan oleh UiTM serta menetapkan sasaran dan KPI kepada semua kakitangan di UiTM melalui Sistem MyATP dan HR2U. Perancangan dikongsikan melalui Amanat Rektor dan juga dibentangkan di dalam mesyuarat akademik agar dapat dihayati oleh semua warga staf. UiTMCK juga merancang program latihan, pengembangan kerjaya, dan pelan penggantian untuk meningkatkan kompetensi staf.

**Pelaksanaan (Do)** melibatkan pelaksanaan strategi dan staf-staf berkelayakan dilantik sebagai penasihat, ketua projek, penceramah dan perunding. Bagi perspektif **Jaringan Alumni**, UiTMCK telah menjadi tuan rumah bagi program **UiTM Alumni Fun Run** yang membabitkan penyertaan seramai 168 orang alumni. BPJIA UiTMCK, di bawah Unit Jaringan Alumni juga telah mengadakan kerjasama melibatkan alumni seperti **Karnival Keusahawanan**, **Dialog Inspirasi Alumni UiTM Cawangan Kelantan** dan **Majlis Makan Malam Seribu Kenangan**. **Inisiatif komuniti** oleh UiTMCK telah dijalankan di peringkat global melalui **Program Tanggungjawab Sosial bersama Komuniti Masjid di Jakarta, Indonesia**. Selain itu, program **International Summer Camp**, **Warmth of the Land of Cik Siti Wan Kembang** turut berjaya dianjurkan. Di peringkat komuniti tempatan, UiTMCK menjalankan **Projek Kelestarian Keusahawanan Komuniti Sungai Pinang** dengan kerjasama unit ICAN, MASMED UiTMCK dan Pejabat Penggawa Daerah Sungai Pinang Kampung Laut, Tumpat, Kelantan. Bagi komuniti setempat pula, **Program Terapi Seni Lukis Bersama Komuniti Autistik** dilaksanakan dengan penyertaan kanak-kanak autistik di jajahan Machang. **Kayuhan Santai Komuniti Merdeka ke-66 Tahun** juga berjaya menjalinkan hubungan murni bersama dengan komuniti setempat. **Aktiviti Sukarelawan** juga rancak dilaksanakan pada tahun 2023. Di peringkat global, **International Volunteering Programme: Let's Stand Together with Prime Mover** telah dijalankan di Medan, Indonesia dan **Intellectual, Culture and Volunteer Sharing (INCULVO)** telah dilaksanakan di Universitas Ahmad Dahlan, Yogyakarta, Indonesia. Program sukarelawan berbentuk pendidikan berjaya dianjurkan melalui program seperti **Digital Marketing Class for B40 Women Entrepreneurs**, **Bengkel ICT- "Microsoft Excel" in Intermediate** untuk staf Pejabat Kesihatan Machang, **Bengkel Pemasaran Digital** kepada Pengusaha Nenas B40 dan **Vitamin Ilmu Bersama PTA**. Selain itu, program sukarelawan berbentuk kegiatan amal juga diadakan melalui penganjuran **Program Eat, Pray & Love 2023**.

Seterusnya, dalam fasa **Pemantauan (Check)**, UiTMCK menilai kejayaan pelaksanaan dan bagaimana penglibatan sumber manusia memberi kesan terhadap jaringan alumni, komuniti, dan sukarelawan. Pengumpulan data daripada maklumbalas peserta bagi semua program dan aktiviti menjadi amalan di UiTMCK agar keberkesanan program dan kualiti penganjuran dapat dinilai.

Bagi aspek **Tindakan Penambahbaikan (Act)**, analisa terhadap maklumbalas dikongsikan di dalam mesyuarat-mesyuarat untuk perhatian dan tindakan pihak-pihak berkenaan. Penambahbaikan program dapat dilihat melalui perubahan penganjuran program seperti perubahan format program serta memperbaiki dan mengukuhkan komunikasi. UiTMCK juga menyemak dan mengemaskini strategi perancangan untuk memastikan bahawa inisiatif yang diperbaiki terus memenuhi matlamat dan memberi impak positif kepada alumni, komuniti, dan sukarelawan.



## 5.2 PENDEKATAN (APPROACH)

### ***Kaedah pengurusan sumber manusia untuk menjayakan bidang tumpuan pilihan yang dipilih***

Penglibatan sumber manusia dalam melaksanakan aktiviti jaringan alumni, komuniti, dan sukarelawan dapat dicapai dengan efektif melalui pengurusan yang efisien. Pelbagai strategi yang terancang dilaksanakan untuk memastikan semua sumber yang ada digunakan secara optimum. Ini termasuk pengagihan sumber yang efisien, pemantauan berterusan terhadap penggunaan sumber, dan penyesuaian strategi berdasarkan keperluan semasa, bagi mencapai hasil yang maksimum dan berkesan. Pendekatan yang dijalankan adalah sebagaimana berikut:

1. **Perancangan strategik sumber manusia:** UiTMCK telah melantik calon terbaik bagi menggalas tanggungjawab ini. Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri & Alumni (PJIA) dipimpin oleh Dr Norzieha Binti Mustapha dan bagi aspek berkaitan BT pula digalas oleh Dr Nazhatul Sahima Binti Mohd Yusoff. Barisan staf yang mencukupi telah dilantik dan adalah sesuai berdasarkan kemahiran dan kepakaran mereka untuk menyokong bidang tumpuan dengan lebih baik. Ketua projek terdiri daripada staf yang kreatif dan berkepimpinan (UiTMCK Bukti 5.2.1).
2. **Penetapan matlamat dan KPI:** Melalui siri perbincangan di dalam mesyuarat mahupun bengkel, PTJ dapat mengenalpasti keperluan dan sasaran BT dan membuat agihan secara berstrategi. Penetapan matlamat dan KPI (Indikator Prestasi Utama) yang jelas diberikan kepada semua unit dan bahagian untuk memastikan semua aktiviti berkaitan bidang tumpuan dicapai dengan berkesan. Unit Transformasi Universiti memainkan peranan yang penting bagi memastikan setiap bahagian memainkan peranan masing-masing. Google Classroom dijadikan salah satu platform penyaluran maklumat dan skor pencapaian KPI UiTMCK dari masa ke masa. Semua perancangan program dan aktiviti tahunan juga direkodkan melalui Borang Perancangan Program/ Aktiviti yang telah disediakan oleh PJIA (UiTMCK Bukti 5.2.2).
3. **Latihan dan pembangunan:** UiTMCK merancang program latihan, pengembangan kerjaya, dan pelan penggantian untuk meningkatkan kompetensi staf. Melalui Training Need Analysis, keperluan meningkatkan kepakaran staf dapat dikenalpasti. UiTMCK banyak menganjurkan program latihan seperti staf juga boleh menghadiri latihan di bawah Unit Institut Latihan dan Kepimpinan (ILD) UiTM. UiTMCK meluluskan penganjurandan penglibatan staf di program persidangan dan inovasi seperti International Joint Conference 2023 (IJC 2023), 4th Asedas 2023: International Poster Exhibition & Conference dan Glocal Symposium on Information and Social Sciences (GSISS) 2023 (UiTMCK Bukti 5.2.3).

### ***Bentuk penghargaan dan pengiktirafan oleh pengurusan kepada sumber tenaga manusia bagi bidang tumpuan yang dipilih***

Penghargaan dan pengiktirafan yang diberikan oleh pengurusan kepada sumber tenaga manusia dalam bidang jaringan alumni, komuniti, dan sukarelawan adalah penting untuk mengiktiraf sumbangan dan dedikasi mereka. Bentuk penghargaan ini tidak hanya memberi motivasi tetapi juga memupuk semangat kerjasama dan keterlibatan yang lebih tinggi. Beberapa bentuk penghargaan dan pengiktirafan yang diberikan adalah:

1. **Anugerah Kecemerlangan:** UiTMCK memberikan anugerah atau sijil penghargaan kepada individu atau kumpulan yang menunjukkan prestasi cemerlang dalam aktiviti jaringan alumni, komuniti, dan sukarelawan melalui penganjuran Majlis Hari Kemuncak Inovasi UiTM Cawangan Kelantan 2023 (UiTMCK Bukti 5.2.4).
2. **Insentif Geran:** UiTM memberikan geran dalaman sebagai insentif dan ganjaran atas sumbangan dan usaha dalam bidang jaringan (UiTMCK Bukti 5.2.4).
3. **Makluman rasmi:** UiTMCK mengeluarkan makluman rasmi dan pujian dalam bentuk laporan atau notis rasmi untuk mengiktiraf sumbangan dan pencapaian melalui laman web rasmi UiTMCK dan Emel dalaman (UiTMCK Bukti 5.2.5).

**SENARAI BUKTI:**

1. [K0058\\_S01\\_SB02\\_20241\\_UITM Bukti 5.2.1 Perancangan Strategik Sumber Manusia.pdf](#)
2. [K0058\\_S01\\_SB02\\_20242\\_UITM Bukti 5.2.2 Penetapan matlamat dan KPI.pdf](#)
3. [K0058\\_S01\\_SB02\\_20243\\_UITM Bukti 5.2.3 Latihan dan Pembangunan.pdf](#)
4. [K0058\\_S01\\_SB02\\_20244\\_UITM Bukti 5.2.4 Penghargaan dan Pengiktirafan.pdf](#)
5. [K0058\\_S01\\_SB02\\_20245\\_UiTMCK Bukti 5.2.5 Laporan Program.pdf](#)

### 5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

UiTMCK sentiasa proaktif dalam menjalankan usaha kemasyarakatan melalui kerjasama dengan pelbagai agensi, komuniti dan alumni. UiTMCK menitik beratkan penglibatan staf bagi menjayakan bidang tumpuan pilihan. UiTMCK mempunyai seramai 348 orang pensyarah dari pelbagai fakulti (UiTMCK Bukti 5.3.1) dan seramai 94 orang daripadanya adalah pemegang PhD (UiTMCK Bukti 5.3.2). UiTMCK juga mempunyai 317 orang staf bukan akademik.

UiTMCK telah terpilih sebagai tuan rumah bagi program Alumni Fun Run 2023 yang berlangsung serentak di kampus-kampus negeri terpilih. Seramai 168 peserta yang terdiri daripada alumni, staf, pelajar dan orang awam telah mendaftar bagi menyertai acara ini yang diadakan pada hari Sabtu, 28 Oktober 2023. Program larian ini adalah dianjurkan sempena Hari Alumni UiTM 2023 yang disambut pada 19 Disember 2023 (UiTMCK Bukti 5.3.3).

Di samping itu, PJIA telah menganjurkan Bengkel Terapi Seni Lukis Bersama Komuniti Autistik pada 24 Oktober 2023 di HRD-A UiTM Cawangan Kelantan, Kampus Machang. Program ini telah disertai oleh 14 orang peserta yang berumur daripada seawal 4 tahun sehingga 29 tahun, dari empat Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) Jajahan Machang iaitu PPDK Baitul Jannah Pulau Chondong, PPDK Permata Hati Bandar Machang, PPDK Insani dan PPDK Temangan (UiTMCK Bukti 5.3.4).

Selain itu, UiTMCK juga telah menganjurkan program “University Social Responsibility Programme With Mosque Community In Jakarta, Indonesia”. Program kolaborasi bersama MAIK ini bertujuan untuk mencapai objektif memastikan peserta khususnya pentadbir masjid mendapat pengetahuan asas berkenaan perakaunan dan pentadbiran masjid yang efektif (UiTMCK Bukti 5.3.5).

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0058\\_S01\\_SB03\\_20241\\_UiTMCK Bukti 5.3.1 Lampiran Senarai Staf Akademik 2023.pdf](#)
2. [K0058\\_S01\\_SB03\\_20242\\_UiTMCK Bukti 5.3.2 Lampiran Senarai Staf PHD 2023.pdf](#)
3. [K0058\\_S01\\_SB03\\_20243\\_UiTMCK Bukti 5.3.3 Alumni Fun Run 2023.pdf](#)
4. [K0058\\_S01\\_SB03\\_20244\\_UiTMCK Bukti 5.3.4 Bengkel Terapi Seni Lukis Bersama Komuniti Autistik.pdf](#)
5. [K0058\\_S01\\_SB03\\_20245\\_UiTMCK Bukti 5.3.5 University Social Responsibility Programme With Mosque Community In Jakarta.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

UiTMCK menjalankan proses pemantauan secara berkala dalam memastikan kepuasan sumber manusia dapat ditingkatkan dari semasa ke semasa terutama dalam menjayakan program berkaitan bidang tumpuan (BT) iaitu jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawanan.

Bagi memantau tahap kepuasan hati, UiTMCK telah menggunakan Happiness Index sebagai medium untuk mengukur tahap kepuasan pelanggan. Bagi tahun 2023, UHI adalah sebanyak 72% secara keseluruhan (UiTMCK Bukti 5.4.1.1 & 5.4.1.2).

Di samping itu, peserta juga diminta untuk mengisi borang kaji selidik setiap kali program selesai bagi memantau tahap keberkesanan program yang telah dianjurkan. Setiap program yang dianjurkan telah mendapat maklum balas yang positif daripada para peserta (UiTMCK Bukti 5.4.1.3 & 5.4.1.4). Selain itu, bagi tujuan pemantauan kepada perkhidmatan yang diberikan oleh sumber manusia program dan aktiviti yang dilaksanakan aduan maklum balas pelanggan juga merupakan satu medium yang penting bagi meningkatkan keberkesanan program dan menjadi penanda aras kepada program yang akan dilaksanakan pada masa hadapan (UiTMCK Bukti 5.4.1.5).

#### **SENARAI BUKTI:**

1. [K0058\\_S01\\_SB04\\_SC01\\_20241\\_UiTMCK Bukti 5.4.1.1 Happiness Index UiTMCK 2023.pdf](#)
2. [K0058\\_S01\\_SB04\\_SC01\\_20242\\_UiTMCK Bukti 5.4.1.2 Happiness Index UiTMCK 2023\\_Subdomain.pdf](#)
3. [K0058\\_S01\\_SB04\\_SC01\\_20243\\_UiTMCK Bukti 5.4.1.3 Kaji Selidik Program CSR Masjid.pdf](#)
4. [K0058\\_S01\\_SB04\\_SC01\\_20244\\_UiTMCK Bukti 5.4.1.4 Laporan kaji selidik program seni lukis bersama komuniti autistik.pdf](#)
5. [K0058\\_S01\\_SB04\\_SC01\\_20245\\_UiTMCK Bukti 5.4.1.5 Aduan Maklum Balas Pelanggan.pdf](#)

## 5.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Unit Pengurusan Risiko (UPR) UiTMCK di bawah pengurusan Pejabat Rektor bertanggungjawab untuk mengenalpasti risiko sumber manusia semasa penilaian program BT dan seterusnya merancang tindakan pencegahan yang berkaitan.

Objektif pengurusan risiko UiTMCK adalah bagi melindungi aset, pelaburan dan sumber-sumber berharga. Selain itu, pengurusan risiko UiTMCK juga bertujuan untuk melindungi dan meningkatkan reputasi atau imej sesebuah organisasi disamping memupuk budaya pengurusan risiko ke atas warga universiti (UITMCK Bukti 5.4.2.1). Pengurusan risiko UiTMCK mengguna pakai kerangka pengurusan risiko yang telah dipersetujui dalam Mesyuarat Majlis Pembangunan Risiko Strategik Universiti. Ia diadaptasi daripada ISO:31000: Risk Management Principles and Guidelines (UITMCK Bukti 5.4.2.2).

Antara risiko yang dikenalpasti oleh pihak PJI bagi jaringan alumni ialah kebolehpasaran graduan. Manakala bagi komuniti pula, isu penambahbaikan dari segi kemahiran menggunakan teknologi terkini bagi aktiviti pemasaran (digital business). Antara program yang telah dianjurkan ialah Bengkel Pengenalan Perniagaan, Seminar Perakodan Kewangan secara Digital, Bengkel Pemasaran & Sosial Media dan banyak lagi (UITMCK Bukti 5.4.2.3).

Bagi program kesukarelawanan pula, UiTMCK berfokuskan kepada aktiviti-aktiviti pembangunan komuniti seperti Karnival Jom Sambung Belajar, Program Sambutan Hari Kesihatan Mental Sedunia Peringkat Negeri Kelantan & Program Rumahku Syurgaku (UITMCK Bukti 5.4.2.4).

Pencapaian bagi Program Alumni adalah melebihi sasaran iaitu 9 program telah dilaksanakan. Antara program yang menarik dimana UiTMCK menjadi tuan rumah di peringkat Negeri Kelantan ialah Program Alumni Fun Run & Program Dialog Inspirasi Alumni UiTMCK (UITMCK Bukti 5.4.2.5).

### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0058\\_S01\\_SB04\\_SC02\\_20241\\_UiTMCK Bukti 5.4.2.1 Objektif Pengurusan Risiko UiTM.pdf](#)
2. [K0058\\_S01\\_SB04\\_SC02\\_20242\\_UiTMCK Bukti 5.4.2.2 Pelan Pengurusan Risiko UiTM.pdf](#)
3. [K0058\\_S01\\_SB04\\_SC02\\_20243\\_UiTMCK Bukti 5.4.2.3 Program Komuniti.pdf](#)
4. [K0058\\_S01\\_SB04\\_SC02\\_20244\\_UiTMCK Bukti 5.4.2.4 Sukarelawan.pdf](#)
5. [K0058\\_S01\\_SB04\\_SC02\\_20245\\_UiTMCK Bukti 5.4.2.5 Program Alumni.pdf](#)

### 5.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

UiTMCK sentiasa memastikan persekitaran dan sistem kerja ditambahbaik dari tahun ke tahun. Pelbagai inisiatif dan aktiviti telah disusun bagi meningkatkan lagi mutu dan kualiti kerja PJI. Hal ini bagi mencapai Pelan Strategik UiTM 2025, Tema Strategik 5 iaitu Perkongsian Pintar Industri, Komuniti & Alumni (UITMCK Bukti 5.4.3.1).

Beberapa kemudahan yang kondusif bagi menjalankan aktiviti yang melibatkan jaringan alumni, komuniti dan sukarelawan bagi menambahbaik aktiviti yang telah dijalankan pada tahun 2023. Antara program-program yang telah dianjurkan pada tahun 2024 ialah “Festival Srikandi 2024 Bersempena Sambutan Hari Wanita Sedunia Anjuran bersama Strategic Partner of The State Government, Collectibles Museum dan College of Creative Arts UiTM Cawangan Kelantan”, “Program Jelajah Senoi di Sekolah Kebangsaan Pos Brooke” & “Gala Dinner 25 Tahun UiTM” (UITMCK Bukti 5.4.3.2).

Selain itu, penambahbaikan sumber manusia juga dilaksanakan melalui penanda aras atau pencapaian KPI strategik yang telah ditetapkan oleh UiTM dan UiTMCK khususnya. Melalui prestasi pencapaian strategik kompetensi dan penambahbaikan sumber manusia seperti staf akademik dan staf pentadbiran dapat ditingkatkan melalui perancangan aktiviti latihan secara lebih komprehensif dapat dilaksanakan pada masa hadapan (UITMCK Bukti 5.4.3.3).

Tambahan pula melalui pembentangan mesyuarat MKSP 2023, aspek sumber manusia juga dapat ditingkatkan melalui pelaporan daripada Ketua Unit Kualiti. Ini kerana melalui unit kualiti pelbagai laporan pelaksanaan dan pemantauan dapat dikenalpasti. Antaranya melalui pelaporan PSR, KIK dan AKNC (UITMCK Bukti 5.4.3.4).

Seterusnya, kajian semula dan penambahbaikan sumber manusia juga dilaksanakan melalui inisiatif inovasi yang juga turut dilaporkan melalui mesyuarat MKSP 2023. Hal ini dapat memberi gambaran mengenai cadangan penambahbaikan dan mengenalpasti kekuatan dan kelemahan sumber manusia khususnya di UiTMCK (UITMCK Bukti 5.4.3.4).

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0058\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20241\\_UiTMCK Bukti 5.4.3.1 Penambahbaikan.pdf](#)
2. [K0058\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20242\\_UiTMCK Bukti 5.4.3.2 Aktiviti 2024.pdf](#)
3. [K0058\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20243\\_UiTMCK Bukti 5.4.3.3 PI 2023.pdf](#)
4. [K0058\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20244\\_UiTMCK Bukti 5.4.3.4 Mesyuarat Penambahbaikan.pdf](#)
5. [K0058\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20245\\_UiTMCK Bukti 5.4.3.5 Laporan Kajian Inovasi.pdf](#)



## 5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Bagi menjamin kualiti kerja staf UiTMCK dalam aktiviti berteraskan jaringan alumni, komuniti dan sukarelawan supaya sentiasa di tahap terbaik, pihak pengurusan UiTMCK menyediakan pelbagai penghargaan dan pengiktirafan. Antaranya ialah staf diberikan surat lantikan dan penghargaan untuk setiap penglibatan mereka (UiTMCK Bukti 5.5.1). Surat-surat tersebut amat berharga untuk staf terutama kepada mereka yang perlukan pengesahan perkhidmatan dan permohonan untuk kenaikan pangkat.

Bagi staf UiTMCK yang menunjukkan prestasi cemerlang pula, mereka akan dianugerahkan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang yang diraikan di dalam Majlis Hari Inovasi UiTMCK yang dianjurkan pada setiap tahun (UiTMCK Bukti 5.5.2) bagi Majlis Hari Inovasi UiTMCK 2023. Pihak pengurusan UiTMCK juga menyediakan anugerah bagi menghargai dan mengiktiraf sumbangan dan komitmen yang tinggi oleh staf dalam aktiviti-aktiviti yang melibatkan jaringan alumni, komuniti dan sukarelawan (UiTMCK Bukti 5.5.3). Anugerah ini diberikan kepada staf UiTMCK yang mengengahkan kepakaran serta khidmat mereka bersama masyarakat setempat melalui pertandingan.

Penghasilan inovasi merupakan satu pemangkin yang dapat mengetengahkan idea-idea bernas dan kreatif staf UiTMCK. Melalui idea inovatif ini, produk yang diwujudkan dapat memberi manfaat bukan sahaja kepada staf, bahkan kepada UiTMCK dan juga kepada orang ramai. Antara contoh inovasi adalah produk yang diberi nama "ALive" yang dihasilkan oleh staf akademik UiTMCK iaitu Puan Fatin Nur Zulkipli. ALive Memfokuskan pada pengumpulan data pesakit yang boleh dipercayai melalui Pengurusan Rekod Kesihatan Mudah Alih atau *Mobile Health Records Management (MHRM)* adalah penting untuk mengurangkan kesilapan perubatan. Proses aliran kerja perubatan yang tidak efisien seperti temujanji dengan doktor dan penulisan laporan menambah cabaran. Oleh itu, pembangunan aplikasi mudah alih yang boleh dipercayai untuk perkongsian maklumat pesakit bukan sahaja memberi kebaikan kepada pesakit, doktor, jururawat, ahli farmasi, dan pengurus rekod, tetapi juga menyumbang kepada kegunaan komuniti. Aplikasi ini dapat memudahkan akses kepada maklumat kesihatan, memperbaiki perkhidmatan perubatan, dan memastikan ia relevan serta bermanfaat untuk semua pihak. Produk ini telah berjaya mendapat pelbagai pingat dari pelbagai projek inovasi termasuk pingat emas di peringkat Malaysia dan Antarabangsa. Selain itu, produk ini juga dilindungi oleh hak cipta terpelihara (UiTMCK Bukti 5.5.4).

Untuk mengetahui bilangan yang lebih terperinci berkaitan inovasi staf UiTMCK, boleh rujuk (UiTMCK Bukti 5.5.5). Dokumen ini menyenaraikan nama staf yang terlibat secara langsung dengan inovasi berkaitan pengajaran dan pembelajaran, Hakcipta terpelihara, dan anugerah dan pingat yang diperolehi. Dokumen ini menyenaraikan pelbagai inovasi oleh staf di UiTMCK, yang dikategorikan terutamanya mengikut fakulti yang mereka wakili dan jenis inovasi. Berikut adalah kategori yang telah dipermudahkan:

1. **Fakulti:** Menunjukkan jabatan akademik (contohnya, Undang-Undang, Perakaunan, Sains Pentadbiran).
2. **Jenis Inovasi:**
  - **Alat Digital:** Inovasi seperti e-Financial Ratio, aplikasi mudah alih, dan kursus MOOC.
  - **Kaedah Pengajaran:** Projek pengajaran kolaboratif, mempromosikan pemikiran kritikal, dan kandungan dalam talian.
  - **Produk dan Prototaip:** Barang seperti Smart Security Padlocks, Automated Rain Detector Clothes Racks, dan Perfume Balm.
3. **Skop:**
  - **Antarabangsa:** Inovasi yang diiktiraf atau bertujuan untuk impak antarabangsa.
  - **Peringkat Universiti:** Inovasi yang khusus untuk aplikasi di peringkat universiti.
  - **Peringkat Fakulti:** Inovasi yang digunakan dalam fakulti untuk tujuan pengajaran atau penyelidikan.

SENARAI BUKTI

1. [K0058\\_S01\\_SB05\\_20241\\_UiTMCK Bukti 5.5.1 Surat Lantikan dan Penghargaan .pdf](#)
2. [K0058\\_S01\\_SB05\\_20242\\_UiTMCK Bukti 5.5.2 Majlis Hari Kemuncak Inovasi 2023.pdf](#)
3. [K0058\\_S01\\_SB05\\_20243\\_UiTMCK Bukti 5.5.3 Senarai Penerima Anugerah Majlis Inovasi 2023.pdf](#)
4. [K0058\\_S01\\_SB05\\_20244\\_UiTMCK Bukti 5.5.4 Contoh Inovasi Staf.pdf](#)
5. [K0058\\_S01\\_SB05\\_20245\\_UiTMCK Bukti 5.5.5 Senarai Inovasi Staf dari Sistem.pdf](#)

## **KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI**

### **6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Pengurusan operasi sesebuah organisasi bermula daripada perancangan pengurusan sumber yang efektif di dalam memastikan kelancaran proses transformasi input kepada hasil. Berteraskan slogan “Championing Datapreneurship, Empowering Community”, penglibatan warga UiTMCK tetapi juga libatsama pihak berkepentingan seperti komuniti industri sama ada dalam dan luar negara dititikberatkan di dalam melestarikan operasi UiTMCK. Demi menyahut amanat Rektor UiTMCK 2023 yang mensasarkan **penglibatan aktif bersama industri komuniti serta transformasi staf akademik bertaraf global**, bidang tumpuan AKNC 2023, **Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan** telah membuktikan proses transformasi berjaya membantu UiTMCK meraih kecemerlangan melalui **Anugerah Penarafan Bintang Terbanyak PTJ pada Anugerah METIC 13/2024** yang bermula dengan perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan tindakan penambahbaikan berterusan.

Proses bermula dengan aktiviti **perancangan** yang dipandu oleh Bengkel Perancangan Strategik, Pelan Tindakan Strategik dan Bengkel Semakan Semula Petunjuk Prestasi yang diadakan pada setiap tahun di dalam menentukan hala tuju UiTMCK. Elemen perancangan ini merupakan proses utama di dalam memastikan UiTMCK dapat mencapai sasaran petunjuk prestasi yang telah diagihkan oleh Bahagian Transformasi Universiti, sekaligus membantu universiti mencapai **Pelan Strategik UiTM 2025, Globally Renowned University**. Bengkel yang mengumpulkan pemilik dan pelaksana petunjuk prestasi ini menjadi medium perbincangan dalam menyampaikan maklumat dan menyuarakan pandangan dengan lebih efektif. Pelaksana program berpeluang berkongsi pengalaman dan permasalahan yang dihadapi untuk melaksanakan program dan aktiviti. Manakala, pemilik petunjuk prestasi dapat berkongsi pandangan dan idea secara telus dan jelas di dalam membantu pelaksana membuat perancangan yang lebih strategik.

**Pelaksanaan** projek dan aktiviti yang dirancang berteraskan **Amanat Rektor UiTMCK 2023** di dalam memenuhi keperluan rakyat di samping memperkasa kerjasama awam dan swasta dimanifestasikan oleh aktiviti dan program seperti **Program Pengurusan Kewangan Masjid bersama MAIK, Program Kelestarian Keusahawanan Komuniti Sungai Pinang, Semarak Kasih UiTMCK & POKB 2023** yang berimpak tinggi dan berteraskan pemindahan ilmu dan kepakaran kepada komuniti setempat. Inisiatif di dalam memelihara jaringan industri dan penglibatan aktif bersama komuniti ini dipanjangkan sehingga ke peringkat antarabangsa menunjukkan **pelaksanaan operasi utama ICAN** membuah hasil dan keberhasilan inisiatif ini diterjemahkan oleh **Program Pengurusan Kewangan Masjid bersama Universitas Pembangunan Nasional Veteran Jakarta (UPNVJ)**.

**Pemantauan** aktiviti-aktiviti operasi utama melibatkan pembentukan Jawatankuasa Jaringan Negeri (JKJN) yang bertanggungjawab membuat keputusan, menyelaras dan memantau aktiviti alumni, komuniti dan kesukarelawan di UiTMCK. Pihak pengurusan UiTMCK **memantau pelaksanaan operasi** melalui **pembentangan laporan** dalam Mesyuarat JKJN dan juga melalui Bengkel Pelaporan Pelan Tindakan Strategi. **Tindakan penambahbaikan** berdasarkan penilaian risiko aktiviti akan dilakukan oleh pihak pelaksana aktiviti melalui audit dan laporan berkala yang melibatkan sesi temubual bersama komuniti yang terlibat. **Pemantauan** ini dilakukan untuk menilai keberkesanan aktiviti yang telah dilaksanakan dan **tindakan penambahbaikan** yang dilakukan memberi impak yang tinggi kepada komuniti setempat. Contohnya, seperti **Program Pengurusan Kewangan Masjid** bersama Majlis Agama Islam & Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) sentiasa **ditambahbaik** dan diperhalusi dari siri pertama yang bermula pada tahun 2018 sehingga kini, siri yang ke 11, berjaya memperkenalkan **hasil inovasi sistem perekodan masjid (SPM)** secara web-based untuk merekod transaksi masjid dengan lengkap dan telus. Inisiatif ini membuktikan **UiTMCK mempunyai nilai kebolehpasaran** staf bukan akademik di peringkat dunia malah mampu membuat transformasi staf akademik bertaraf global melalui pembudayaan inovasi yang diamalkan di UiTMCK.



## 6.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Bagi memastikan fokus tumpuan utama yang dinyatakan pada objektif kualiti UiTMCK tercapai, pembudayaan aktiviti-aktiviti komuniti dan kesukarelawan melalui objektif perancangan strategik UiTMCK yang berteraskan “Championing Datapreneurship, Empowering Community” telah berjaya dilaksanakan bagi bertujuan memperkasakan hubungan bestari dan kerjasama strategik. Perancangan operasi yang ditetapkan dengan petunjuk prestasi melalui **Bengkel Pengurusan Strategik** yang dianjurkan oleh Unit Transformasi Universiti UiTMCK diselia oleh pegawai bertanggungjawab dan sentiasa dipantau, dikaji semula dan ditambah baik melalui aktiviti seperti **mesyuarat** dan **bengkel dalaman** berdasarkan pencapaian semasa pada setiap sukuan tahun dengan berpandukan **pendekatan PDCA** (UiTMCK Bukti 6.2.1). Setiap program dan aktiviti kesukarelawan, komuniti dan alumni akan bermula dari peringkat unit, bahagian dan fakulti berdasarkan agihan petunjuk prestasi, dan perancangan aktiviti menerapkan elemen kolaborasi yang melibatkan pelbagai pihak luar yang berkepentingan.

Pengoperasian program kesukarelawan dan komuniti berimpak tinggi dirancang seiring dengan hala tuju universiti diadakan melalui mesyuarat, bengkel dan perbincangan. Contohnya, **Program Tanggungjawab Sosial Korporat UiTMCK dengan komuniti masjid di Jakarta, Indonesia** diperhalusi dengan proses perbincangan sebelum pelaksanaan jalinan kerjasama antarabangsa tersebut juga telah dijalankan melibatkan perbincangan peluang penyeliaan antara dua pihak di antara pihak UiTM Cawangan Kelantan (UiTMCK) dan Universitas Pembangunan Nasional Veteran Jakarta (UPNVJ) Indonesia. Perancangan aktiviti yang melibatkan pelbagai pihak luar yang berkepentingan ini perlu **dinilai dan diperincikan** dari aspek kewangan, tenaga kerja dan kepakaran supaya aktiviti komuniti berimpak tinggi ini bukan sahaja dibudayakan oleh warga UiTMCK tetapi juga **diintegrasikan kepada komuniti setempat dan antarabangsa** (UiTMCK Bukti 6.2.2).

Selaras dengan **Amanat Rektor UiTMCK 2023** yang menyeru warga UiTMCK memenuhi keperluan rakyat melalui penglibatan aktif bersama industri dan komuniti, penglibatan secara menyeluruh di dalam aktiviti libatsama komuniti menjadi sebahagian agenda bidang tumpuan (BT). Penumpuan terhadap pencapaian program **kesukarelawan, komuniti dan alumni** yang berimpak tinggi merupakan salah satu sasaran yang ditetapkan oleh UiTMCK ke arah **Pelan Strategik UiTM 2025, Globally Renowned University** (UiTMCK Bukti 6.2.3). Perancangan dan pelaksanaan program kesukarelawan dan komuniti yang bercirikan kelestarian seperti **Program Kelestarian Keusahawanan Komuniti Sungai Pinang** bersama Pejabat Penggawa Daerah Sungai Pinang Kampung Laut, Tumpat disifatkan sebagai program yang mampu memacu peningkatan taraf hidup komuniti setempat.

Proses pelaksanaan program tiga serangkai ini melibatkan perbincangan projek keusahawanan komuniti asnaf daerah Sungai Pinang serta **penglibatan tenaga pengajar UiTMCK** yang bertindak sebagai perunding program. Pemilihan tenaga pengajar yang berkelayakan dikenal pasti melalui program latihan dan kursus yang telah dihadiri yang melayakkan tenaga pengajar ini menjadi perunding bertauliah. Ini adalah penting untuk memastikan **keberhasilan aktiviti berimpak tinggi dan berdaya saing kepada komuniti**. Pengukuran pencapaian pelaksanaan program dibuat melalui hasil dan impak yang diterima oleh komuniti dan **perubahan dari segi peningkatan para peserta** selepas program latihan diberikan seperti peningkatan hasil jualan dan hasil pembinaan platform media sosial (UiTMCK Bukti 6.2.4). Penyeliaan keberkesanan program dibuat oleh unit ICAN melalui pelaporan aktiviti oleh ketua projek di dalam sistem PRIME. Proses pelaporan aktiviti ini akan dibentangkan di dalam mesyuarat Jawatankuasa Jaringan Negeri dan menyumbang kepada penarafan bintang untuk diambil kira sebagai pencapaian prestasi MyRA, MyMOHEs, SETARA (UiTMCK Bukti 6.2.5).

### **SENARAI BUKTI:**

1. [K0058\\_O01\\_OB02\\_20241\\_UiTMCK Bukti 6.2.1.pdf](#)
2. [K0058\\_O01\\_OB02\\_20242\\_UiTMCK Bukti 6.2.2.pdf](#)

3. [K0058\\_O01\\_OB02\\_20243\\_UiTMCK Bukti 6.2.3.pdf](#)
4. [K0058\\_O01\\_OB02\\_20244\\_UiTMCK Bukti 6.2.4.pdf](#)
5. [K0058\\_O01\\_OB02\\_20245\\_UiTMCK Bukti 6.2.5.pdf](#)

### 6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Bagi tujuan menyebarkan operasi ke seluruh warga dan pelanggan UiTMCK, Pengurusan Kanan UiTMCK menggunakan **PDCA (Plan, Do, Check, Action)** sebagai model perluasan dalam proses kerja utama sebagai penambahbaikan berterusan bagi setiap projek dan aktiviti yang dirancang di bawah ICAN. Sejalan dengan objektif UiTMCK, “**Championing Datapreneurship, Empowering Community**”, pelaksanaan semua operasi diperluas dengan penglibatan menyeluruh dari semua staf dari bahagian dan unit yang bertanggungjawab. Ini bertujuan untuk memastikan pencapaian petunjuk prestasi yang telah ditetapkan. Bagi memastikan pencapaian petunjuk prestasi dapat dilaksanakan dengan lancar, perancangan program komuniti, kesukarelawan, dan alumni yang dimulakan melalui **Pelan Tindakan Strategik** diselia oleh **Unit Transformasi Universiti** (UiTMCK Bukti 6.3.1). Unit ini menganjurkan bengkel dan taklimat berkaitan pengagihan petunjuk prestasi yang diadakan setiap bulan Disember. Proses perancangan dan pelaksanaan program serta aktiviti bagi setiap unit dan bahagian akan dijalankan dengan teliti, termasuk dalam mengenal pasti rakan kerjasama, penyediaan peruntukan, serta penetapan jangka masa dan tarikh pelaksanaan program. Keseluruhan proses ini dijalankan dengan tujuan untuk memastikan keselarasan dengan matlamat UiTMCK dalam memperkasakan komuniti.

Perancangan tersebut dibentangkan dalam **Bengkel Pelan Tindakan Strategik** di Fakulti/Bahagian dan dinilai oleh unit ICAN, PJI dan Pengurusan bagi mengurangkan risiko kegagalan pencapaian prestasi UiTMCK (UiTMCK Bukti 6.3.2). Seterusnya laporan dikongsikan melalui Google Classroom yang disediakan oleh UTU UiTMCK. Setiap fakulti bertanggungjawab memastikan pelaksanaan aktiviti dan program yang telah dirancang selepas pembentangan. Pemantauan terhadap pencapaian program komuniti, kesukarelawan, dan alumni dilakukan oleh Koordinator ICAN melalui laporan yang dimuat naik ke **Google Drive** oleh setiap pegawai yang bertanggungjawab. **Pihak ICAN telah menyediakan laporan analisa** bagi data keseluruhan jaringan industri, komuniti dan alumni untuk keperluan universiti dan pemegang taruh (UiTMCK Bukti 6.3.3). Laporan pencapaian ini dianalisis dan dibentangkan secara berkala dalam mesyuarat, di mana tindakan pembetulan dan penambahbaikan akan diambil berdasarkan maklum balas yang diberikan semasa mesyuarat pengurusan dalaman.

Kecemerlangan dalam program komuniti, kesukarelawan, dan alumni dicapai melalui perancangan dan pelaksanaan yang realistik serta teratur, hasil daripada penglibatan seluruh warga kerja UiTMCK. Hal ini dapat dilihat daripada **pencapaian penarafan yang diperolehi pada tahun 2023**, di mana 21 projek menerima penarafan tiga bintang, 17 projek memperoleh penarafan dua bintang, dan 10 projek mendapat penarafan satu bintang (UiTMCK Bukti 6.3.4). Pencapaian ini mencerminkan komitmen yang tinggi dan keberhasilan usaha warga UiTMCK dalam mencapai petunjuk prestasi yang telah dirancang.

UiTMCK amat menitik berat kesinambungan kerjasama dan kolaborasi antara industri luar mahupun komuniti agar ianya selari dengan sasaran rangka tindakan Perancangan Strategik UiTM 2025. Program seperti **Bengkel Terapi Seni Lukis bersama Komuniti Autistik, University Social Responsibility Programme with Mosque Community in Jakarta, Indonesia, Program Kelestarian Keusahawanan Komuniti Sungai Pinang, Semarak Kasih UiTMCK & POKB 2023** dilaksanakan mengikut ketetapan dan disokong dari aspek kewangan dan pelaksanaan aktiviti sentiasa dipantau melalui **Laporan Aktiviti** dalam mesyuarat pengurusan dalaman UiTMCK (UiTMCK Bukti 6.3.5). Perkara ini seiring dengan **Amanat Rektor 2023**, yang menggariskan kepentingan bagi warga UiTMCK untuk memenuhi keperluan rakyat melalui keterlibatan yang proaktif dengan sektor industri dan komuniti. Secara tidak langsung program-program ini juga mampu meningkatkan dan memperkayakan lagi pengetahuan serta prestasi di dalam bidang penyelidikan oleh para pensyarah dalam usaha untuk **menambah baik aktiviti P&P**.

#### SENARAI BUKTI :

- 
1. [K0058\\_O01\\_OB03\\_20241\\_UiTMCK Bukti 6.3.1.pdf](#)
  2. [K0058\\_O01\\_OB03\\_20242\\_UiTMCK Bukti 6.3.2.pdf](#)
  3. [K0058\\_O01\\_OB03\\_20243\\_UiTMCK Bukti 6.3.3.pdf](#)
  4. [K0058\\_O01\\_OB03\\_20244\\_UiTMCK Bukti 6.3.4.pdf](#)
  5. [K0058\\_O01\\_OB03\\_20245\\_UiTMCK Bukti 6.3.5.pdf](#)



## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Pihak pengurusan UiTMCK sentiasa memastikan semua aktiviti operasi utama **disemak** dan **dipantau** dengan teliti bagi memastikan pelaksanaan aktiviti telah **mencapai objektif** yang telah **disasarkan** seperti yang **dirancang** dan **dinilai** pada **Bengkel Pelan Tindakan Strategik**. Proses ini penting dalam memastikan operasi UiTMCK bukan sahaja memberi **impak kepada komuniti setempat** dan **industri** tetapi juga mengikut **garis panduan** yang telah ditetapkan oleh universiti. Pemantauan proses dilaksanakan melalui **pelaporan aktiviti** yang telah dibuat kepada Unit Jaringan Industri dan pencapaian pelaksanaan aktiviti juga **dipantau** melalui **sistem i-Strategik UiTMCK** (UiTMCK Bukti 6.4.1.1).

Unit ICAN **memantau** aktiviti yang telahpun dirancang oleh fakulti/bahagian melalui **pembentangan laporan sukuan** yang dianjurkan oleh pihak Unit Transformasi UiTMCK. Pihak pengurusan **menilai prestasi dan mengenalpasti risiko** dan masalah yang dihadapi oleh pihak pelaksana dan **tindakan penambahbaikan** dimaklumkan demi memastikan **pencapaian petunjuk prestasi mencapai sasaran** seperti yang dirancang (UiTMCK Bukti 6.4.1.2).

Aspek penting yang perlu ditekankan oleh pihak ICAN adalah **mengenal** pasti aktiviti yang dirancang bersama pihak kolaborasi dapat memberi impak kepada komuniti setempat, universiti dan juga industri. Seiring dengan **amanat Rektor 2023** yang mensasarkan **penglibatan aktif bersama industri komuniti serta transformasi staf akademik bertaraf global**, pemilihan program berimpak tinggi seperti menjalinkan hubungan kerjasama dengan komuniti masjid di Jakarta bersama rakan kolaborasi Universitas Pembangunan Nasional Veteran Jakarta (UPNVJ) di dalam program pengurusan akaun masjid. Proses menjalinkan kerjasama antarabangsa ini bermula dengan **pemilihan** rakan strategik, **mengenal pasti** kepakaran dan sumber manusia yang dimiliki UiTMCK, pemilihan komuniti, impak dan manfaat, sehingga kepada penyediaan memorandum persefahaman mengikut prosedur yang telah pun ditetapkan oleh universiti (UiTMCK Bukti 6.4.1.3). Keberkesanan penganjuran aktiviti kesukarelawan dan jaringan alumni seperti Program Kelestarian Keusahawan Komuniti Sungai Pinang dan Program Semarak Kasih UiTMCK & POKB 2023 **dipantau** melalui **pelaporan keberkesanan program** yang mana hasil dapatan diambil daripada kaji selidik penilaian keberkesanan program sebagai langkah **penambahbaikan** (UiTMCK Bukti 6.4.1.4). Laporan lengkap ini perlu dimuat naik di dalam sistem PRIME yang merangkumi aspek pelaporan aktiviti, pelaporan pencapaian, pelaporan proses penambahbaikan yang diambil. Di samping itu, unit ICAN mengambil inisiatif **memantau** status program dan aktiviti melalui **bengkel pembentangan, mesyuarat dalaman** bersama Ketua Pusat Pengajian untuk memantau aktiviti dan program yang telah disenaraikan di dalam **Pelan Tindakan Strategik** (UiTMCK Bukti 6.4.1.5).

### **SENARAI BUKTI:**

1. [K0058\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20241\\_UiTMCK Bukti 6.4.1.1.pdf](#)
2. [K0058\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20242\\_UiTMCK Bukti 6.4.1.2.pdf](#)
3. [K0058\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20243\\_UiTMCK Bukti 6.4.1.3.pdf](#)
4. [K0058\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20244\\_UiTMCK Bukti 6.4.1.4.pdf](#)
5. [K0058\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20245\\_UiTMCK Bukti 6.4.1.5.pdf](#)

## 6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

UiTMCK mementingkan pengurusan risiko bagi proses operasi utama ICAN dalam membantu pencapaian petunjuk prestasi yang disasarkan seiring dengan objektif strategi. **Jawatankuasa Pengurusan Risiko UiTMCK** di bawah seliaan Bahagian Pentadbiran ditubuhkan bagi memastikan segala risiko berkaitan operasi utama UiTMCK dikawal selia. Jawatankuasa ini berperanan pembudayaan pengurusan risiko di kalangan warga UiTMCK dalam menghasilkan proses kerja yang efisien dan cekap (UITMCK Bukti 6.4.2.1).

Di antara risiko yang dikenal pasti menjadi kekangan pelaksanaan aktiviti adalah sumber manusia, kewangan, serta kurang sambutan daripada para peserta program. Risiko ini dikenal pasti dan dibentangkan di dalam **Mesyuarat Jawatankuasa Jaringan Negeri dan Bengkel Pelaporan Pelan Tindakan Strategik** yang diadakan pada setiap sukuan tahun (UITMCK Bukti 6.4.2.2). Risiko seperti **mengenal pasti rakan kolaborasi dan jalinan kerjasama** perlu melalui proses kelulusan dan beberapa prosedur sebelum proses menandatangani perjanjian persefahaman (MOU/MOA), menyebabkan aktiviti tidak dapat dilaksanakan mengikut tarikh yang dirancang (UITMCK Bukti 6.4.2.3). Risiko ini **sentiasa dipantau** melalui pelaporan dalam mesyuarat di peringkat bahagian dan pengurusan iaitu **Mesyuarat Jawatankuasa Jaringan Negeri**.

Risiko keberhasilan dalam **mencapai penarafan bintang** melalui pemilihan program dan projek libatsama komuniti dan sukarelawan berimpak tinggi **dikenal pasti** melalui pengenalpastian punca yang boleh mempengaruhi kegagalan pencapaian. Risiko seperti **sasaran komuniti** untuk penglibatan aktiviti, **sumber kepakaran** dan **kos yang tinggi** menyebabkan aktiviti tidak dapat dijalankan dengan lancar. Unit ICAN akan **memantau risiko** dengan **menghubungi setiap ketua projek** yang telah pun mendapat kelulusan di peringkat JKEN dan PPSM dan pelaporan akan dibentangkan semasa Mesyuarat Jawatankuasa Jaringan Negeri (UITMCK Bukti 6.4.2.4).

Selain itu, untuk **mencapai sasaran petunjuk prestasi** jaringan alumni, proses untuk mendapatkan data alumni UiTMCK terdedah kepada **risiko perundangan** yang melindungi data peribadi. Penggunaan data daripada Kajian Pengesanan Graduan/Tracer Study MOHE terdedah kepada risiko Akta Perlindungan Data Peribadi di mana tindakan perundangan boleh diambil terhadap pihak UiTMCK. Risiko ini dipantau oleh Unit ICAN melalui pengumpulan data alumni dengan menggunakan **Google Form** kepada alumni yang diedarkan melalui PP/PP/Wakil Alumni Fakulti/Penyelaras Alumni UiTMCK dan disemak sebelum dimasukkan ke dalam sistem SMART (UITMCK Bukti 6.4.2.5). Pelaporan statistik pencapaian jaringan alumni ini dibentangkan dan dinilai pada **Mesyuarat Jawatankuasa Jaringan Negeri**. Hasilnya, UiTMCK telah memenangi **Anugerah Pencapaian Terbaik PTJ 2023: Sumbangan Terkumpul Tabung Alumni RM5**.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0058\\_O01\\_OB04\\_OC02\\_20241\\_UiTMCK Bukti 6.4.2.1.pdf](#)
2. [K0058\\_O01\\_OB04\\_OC02\\_20242\\_UiTMCK Bukti 6.4.2.2.pdf](#)
3. [K0058\\_O01\\_OB04\\_OC02\\_20243\\_UiTMCK Bukti 6.4.2.3.pdf](#)
4. [K0058\\_O01\\_OB04\\_OC02\\_20244\\_UiTMCK Bukti 6.4.2.4.pdf](#)
5. [K0058\\_O01\\_OB04\\_OC02\\_20245\\_UiTMCK Bukti 6.4.2.5.pdf](#)

### 6.4.3 MENGAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

UiTMCK sentiasa memastikan operasi ICAN berupaya mencapai sasaran dan objektif strategi yang ditetapkan melalui kajian semula operasi secara berkala. Pengurusan UiTMCK mengadakan **Bengkel Pelan Tindakan** Strategi pada setiap hujung tahun sebelum bermulanya tahun sasaran pencapaian. Pihak UTU UiTMCK dengan kerjasama semua bahagian yang terdiri daripada pihak pemilik dan pelaksana petunjuk prestasi, mengkaji semula sasaran yang tidak dapat dicapai serta cadangan dan tindakan susulan dibentangkan di dalam bengkel yang diadakan secara dua siri (UITMCK Bukti 6.4.3.1).

Selain itu, dapatan hasil kajian prestasi UiTMCK dikumpulkan dan dibawa ke **Mesyuarat Kaji Semula (MKSP)** bagi membincangkan pencapaian objektif kualiti dan hasil penemuan audit yang membantu UiTMCK membuat penambahbaikan secara berterusan. Contohnya, isu seperti aktiviti yang tidak dilaporkan di dalam sistem PRIME selepas pelaksanaan, menyukarkan pihak ICAN untuk **mengumpul maklumat aktiviti yang telah dilaksanakan**, sekaligus menjejaskan penilaian **MyRA Star Rating** (UITMCK Bukti 6.4.3.2). Hasil penemuan mendapati terdapat ketua projek tidak mengetahui cara untuk mengisi maklumat program dengan tepat ke dalam sistem PRIME. Oleh yang demikian, unit ICAN telah **menganjurkan** program **'Road Tour'** dan **Hari Bertemu Pelanggan PJA ke Fakulti/Bahagian** untuk penerangan proses pelaporan aktiviti ke dalam sistem PRIME (UITMCK Bukti 6.4.3.3). Perkongsian maklumat ini perlu diberi penekanan dan perhatian supaya dapat menyumbang kepada pencapaian prestasi UiTMCK, MyRA, MyMohes dan SETARA.

Selain itu pemilihan program dan aktiviti sukarelawan dan libatsama komuniti juga sentiasa **dipantau** oleh unit ICAN untuk memastikan aktiviti yang dilaksanakan berimpak tinggi dan dapat menyumbang kepada pencapaian prestasi UiTM yang mengambilkira penilaian MYRA Star Rating sahaja. **Pemantauan** pemilihan projek dan aktiviti yang dicadangkan oleh setiap Fakulti/Bahagian perlu dibentangkan dan dinilai oleh unit ICAN, PJI dan Pengurusan melalui **Bengkel Pelan Tindakan Strategi** mengurangkan risiko kegagalan pencapaian prestasi UiTMCK (UITMCK Bukti 6.4.3.4). Kekangan kewangan dan sumber manusia juga dapat diminimalkan dengan **penambahbaikan** dengan **menyusun semula** cadangan aktiviti **selepas dinilai** oleh pihak pengurusan. Hasil penambahbaikan proses ini membantu UiTMCK memenangi tempat pertama **Anugerah Penarafan Bintang Terbanyak PTJ** pada **Anugerah METIC 13/2024** dan **Anugerah Projek Komuniti Hasil Penyelidikan/Inovasi Kursus Kewangan Masjid** anjuran bersama Fakulti Perakaunan dan Majlis Agama Islam Kelantan serta tempat ketiga di dalam **Anugerah Projek Komuniti Lestari** melalui **Program Kelestarian Keusahawanan Komuniti Sungai Pinang** (UITMCK Bukti 6.4.3.5).

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0058\\_O01\\_OB04\\_OC03\\_20241\\_UiTMCK Bukti 6.4.3.1.pdf](#)
2. [K0058\\_O01\\_OB04\\_OC03\\_20242\\_UiTMCK Bukti 6.4.3.2.pdf](#)
3. [K0058\\_O01\\_OB04\\_OC03\\_20243\\_UiTMCK Bukti 6.4.3.3.pdf](#)
4. [K0058\\_O01\\_OB04\\_OC03\\_20244\\_UiTMCK Bukti 6.4.3.4.pdf](#)
5. [K0058\\_O01\\_OB04\\_OC03\\_20245\\_UiTMCK Bukti 6.4.3.5.pdf](#)

## 6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pihak pengurusan UiTM Cawangan Kelantan (UiTMCK) sangat menitikberatkan operasi yang sistematik untuk mencapai objektif dan inisiatif strategik melalui proses penambahbaikan berterusan. Keberkesanan proses penambahbaikan ini telah diterapkan kepada seluruh warga UiTMCK di mana memberi impak positif terhadap kolaborasi UiTMCK dengan pihak berkepentingan, (UiTMCK Bukti 6.5.1) melalui pelaksanaan beberapa **Memorandum Persefahaman (MoU) dan Memorandum Perjanjian (MoA)**. Proses penambahbaikan dari sudut strategi dan pengurusan jalinan kerjasama dengan pihak industri dan agensi luar sama ada dalam dan luar negara, berjaya dibudayakan oleh warga UiTMCK. Hasilnya UiTMCK berjaya memeterai bilangan MOU/MOA yang membanggakan dan pencapaian ini menyumbang kepada prestasi universiti.

Untuk menyemarakkan semangat warga UiTMCK dan membudayakan pengoperasian inovasi dalam program dan aktiviti kesukarelawan, komuniti dan alumni, UiTMCK menganjurkan **Majlis Hari Kemuncak Inovasi** sebagai program tahunan untuk menggalakkan penglibatan warga UiTMCK di dalam program komuniti berimpak tinggi. Tambahan pula, di dalam melestarikan inovasi sebagai satu norma dan budaya di kalangan warga UiTMCK, sambutan dan majlis penghargaan ini dapat memperkukuhkan kekuatan sumber intelektual Malaysia selaras dengan Amanat Rektor UiTMCK 2023. Program seperti **REIACT 2023, Road Tour dan Hari Bertemu Pelanggan PJIA**, merupakan salah satu inisiatif yang dilakukan oleh UiTMCK sebagai di dalam mencapai sasaran untuk penghasilan kecemerlangan sistem/operasi/SOP bertaraf global. PJIA sentiasa memantau setiap program yang dirancang oleh fakulti/bahagian mematuhi garis panduan yang ditetapkan (UiTMCK Bukti 6.5.2).

UiTMCK juga melebarkan sayapnya melalui pembudayaan aktiviti kesukarelawan dan komuniti berimpak tinggi ke peringkat antarabangsa. Jalinan kerjasama antarabangsa di antara UiTMCK dan Universitas Pembangunan Nasional Veteran Jakarta (UPNVJ) dalam **Program Pengurusan Kewangan Masjid (Bukti 6.5.3)** menunjukkan UiTMCK komited di dalam membudayakan pemeliharaan jaringan industri dan komuniti melalui penglibatan berterusan di dalam menyahut **Amanat Rektor UiTMCK 2023**. Terdahulu, UiTMCK menjalinkan kerjasama strategik dengan **Majlis Agama Islam & Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK)** di dalam **Kursus Pengurusan Kewangan Masjid** bagi seluruh negeri Kelantan yang bermula pada tahun 2018 (UiTMCK Bukti 6.5.4). Jalinan kerjasama ini diteruskan sehingga siri kursus yang ke 11, pada tahun 2024, dengan memperkenalkan hasil inovasi **sistem perekodan masjid (SPM)** secara web-based untuk merekod transaksi masjid dengan lengkap dan telus. Perkongsian ilmu dan **hasil inovasi UiTMCK ini** dimanfaatkan oleh komuniti luar dan juga **diperluaskan ke peringkat antarabangsa**. Pembudayaan inovasi ini dilengkapi dengan e-dokumen yang bertindak sebagai manual penggunaan yang dicipta berpandukan Tatacara Pengurusan Kewangan Masjid Negeri Kelantan (UiTMCK Bukti 6.5.5). Hasil inovasi ini dapat memupuk dan menggalakkan pengurusan masjid supaya mengamalkan perekodan transaksi kewangan masjid dengan lebih telus dan teratur di dalam memperkasakan kerjasama UiTMCK dan komuniti tempatan dan antarabangsa. Pembudayaan inovasi ini perlu diterapkan di kalangan komuniti setempat di dalam memastikan kualiti bakat staf warga UiTMCK dikembangkan seiring dengan kemahiran, pengetahuan dan pemikiran bertaraf global seperti yang disarankan di dalam Amanat Rektor UiTMCK 2023.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [K0058\\_O01\\_OB05\\_20241\\_UiTMCK Bukti 6.5.1.pdf](#)
2. [K0058\\_O01\\_OB05\\_20242\\_UiTMCK Bukti 6.5.2.pdf](#)
3. [K0058\\_O01\\_OB05\\_20243\\_UiTMCK Bukti 6.5.3.pdf](#)
4. [K0058\\_O01\\_OB05\\_20244\\_UiTMCK Bukti 6.5.4.pdf](#)
5. [K0058\\_O01\\_OB05\\_20245\\_UiTMCK Bukti 6.5.5.pdf](#)



## **KRITERIA 7 : HASIL UTAMA**

### **7.1 HASIL UTAMA 1**

Pengukuhan Perpaduan Komuniti melalui Program bersama Komuniti dan Agensi Luar.

#### **7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Sejajar dengan misi UiTMCK untuk memperkukuh jaringan antara alumni, komuniti, dan masyarakat, UiTMCK telah berjaya melaksanakan pelbagai aktiviti serta program bersama alumni dan komuniti di peringkat tempatan dan antarabangsa. Usaha ini bukan sekadar memenuhi tanggungjawab sosial, tetapi juga menjadi bukti adanya kerjasama erat dan ukhuwah yang kukuh antara UiTMCK dan masyarakat setempat. Penglibatan alumni dan komuniti dalam program-program ini memperlihatkan komitmen berterusan UiTMCK dalam membangun sinergi yang positif dengan pelbagai pihak. Sambutan yang diterima, bukan sahaja dari sektor tempatan tetapi juga di peringkat antarabangsa, menunjukkan betapa program-program ini relevan dan mendapat pengiktirafan yang meluas.

Selain itu, UiTMCK turut memainkan peranan penting dalam memperkasa masyarakat melalui penganjuran program khidmat masyarakat yang berfungsi sebagai platform untuk warga UiTMCK menyumbang kepakaran, pengetahuan, dan hasil penyelidikan kepada masyarakat umum. Program-program ini bukan sahaja memberi manfaat langsung kepada komuniti, tetapi juga mengukuhkan reputasi UiTMCK sebagai institusi yang berperanan aktif dalam membentuk dan membangunkan masyarakat.

Kecemerlangan dan kesungguhan UiTMCK dalam usaha menjalinkan hubungan baik dengan agensi kerajaan dan swasta turut dapat dilihat dengan terhasilnya banyak MOU dan MOA dengan agensi tempatan dan antarabangsa, termasuk universiti luar seperti dengan rakan Nusantara iaitu Indonesia. Ini jelas membuktikan kemampuan UiTMCK untuk berfungsi sebagai jambatan kerjasama antarabangsa, yang bukan sahaja memberi manfaat kepada universiti tetapi juga membuka peluang yang lebih luas kepada komuniti dan masyarakat tempatan. Dengan ini, UiTMCK terus mengukuhkan kedudukannya sebagai institusi yang tidak hanya mementingkan kecemerlangan akademik, tetapi juga berperanan sebagai pemangkin kepada pembangunan sosial dan kemajuan komuniti secara holistik.

#### **7.1.2 TAHAP(Level)**

BUKTI : [H1\\_K0058\\_HB02\\_20241\\_UITMCK Bukti 7.1.2.pdf](#)

#### **7.1.3 TREN (Trend)**

BUKTI : [H1\\_K0058\\_HB03\\_20242\\_UITMCK Bukti 7.1.3.pdf](#)

#### **7.1.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)**

BUKTI : [H1\\_K0058\\_HB04\\_20243\\_UITMCK Bukti 7.1.4.pdf](#)

#### **7.1.5 KEPENTINGAN (Importance)**

BUKTI : [H1\\_K0058\\_HB05\\_20244\\_UITMCK Bukti 7.1.5.pdf](#)

## **KRITERIA 7 : HASIL UTAMA**

### **7.2 HASIL UTAMA 2**

#### ***Hasil 2: Tumpuan Kepada Sumber Manusia.***

##### **7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

UiTMCK memberi penekanan utama kepada aspek peningkatan kualiti sumber manusia. Pada tahun 2023, 94 (27%) orang pensyarah telah berjaya mengenggam ijazah PhD. Hal ini telah melepasi objektif kualiti yang mensasarkan 30% jumlah pensyarah PhD sehingga tahun 2025. UiTMCK sentiasa berusaha melaksanakan penambahbaikan dalam memantapkan kualiti dan kuantiti pensyarah seperti melantik mentor untuk pelajar, melaksanakan program berkaitan penyelidikan dan mengambil staf baru dalam kalangan mereka yang telah mempunyai PhD.

Pelan Strategik UiTM 2025 menggariskan matlamat mengukuhkan hubungan dengan alumni dan industri. Amanat Rektor UiTMCK 2023 pula berhasrat agar UiTMCK dapat memenuhi keperluan rakyat. Pelbagai program dirancang bersama oleh Pengurusan Kanan, Ketua Bahagian, Ketua Unit dan juga Ketua Pusat Pengajian melalui 77 petunjuk prestasi utama (KPI) yang mana 10 KPI adalah bagi bidang alumni, komuniti dan kesukarelawan. Bahagian Penyelidikan dan Jaringan Industri (BPJIA), disokong oleh semua bahagian dalam UiTMCK, menggerakkan aktiviti alumni, komuniti dan kesukarelawan. Sokongan dan kemudahan yang disediakan oleh Pengurusan Kanan UiTMCK telah banyak membantu staf-staf yang terlibat dalam menjayakan tiga tema utama bidang, iaitu Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan. UiTMCK secara keseluruhannya telah mencapai sasaran tahun 2023, malah ada yang telah melebihi sasaran yang ditetapkan.

Projek-projek yang dilaksanakan pada 2023 menyaksikan peningkatan tren bilamana UiTMCK sudah melebarkan sayap ke peringkat antarabangsa sesuai dengan perancangan strategik UiTM 2025 yang berfokus untuk meletakkan UiTM sebagai sebuah universiti terkemuka dunia melalui Program Tanggungjawab Sosial dengan Komuniti Masjid di Jakarta, Indonesia. Dalam program usahasama bersama Universitas Pembangunan Nasional Veteran Jakarta ini, warga UiTMCK telah berhasil berkongsi ilmu dan pengalaman tentang sistem pengurusan kewangan masjid yang efektif. Ini juga bertepatan dengan perancangan strategik UiTM2025 untuk melahirkan staf yang mendapat pengiktirafan di peringkat global. Program yang sama juga disebarluaskan kepada masyarakat setempat melalui program siri Kursus pengurusan Masjid di Jajahan Gua Musang, Kuala Krai, Tumpat dan tanah Merah.

Perbandingan UiTM keseluruhan turut dianalisa dalam menjadikan UiTMCK sebagai kampus yang berdaya saing. Perbandingan pencapaian aktiviti Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan yang dibuat diantara 4 cawangan, iaitu UiTM Cawangan Kelantan, UiTM Cawangan Terengganu, UiTM Cawangan Kedah dan UiTM Cawangan Perlis. Bagi memastikan keberhasilan pencapaian dan peningkatan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan dan kesukarelawan, kekuatan sumber manusia dan profesionalisme pensyarah terutama bagi staf PhD diberi penekanan oleh UiTMCK. Oleh itu, perbandingan bilangan staf PhD mengikut fakulti dan perbandingan bilangan staf sebagai PIC projek kemasyarakatan, kesukarelawan mengikut penarafan bintang bagi setiap fakulti dan perbandingan bilangan staf sebagai PIC MoU/MoA turut dilakukan. Keupayaan sumber manusia dalam mengadakan jalinan hubungan strategik bukan sahaja pada peringkat nasional malah ke peringkat antarabangsa memberi impak positif dalam meningkatkan tahap pencapaian UiTMCK.

UiTMCK sentiasa komited untuk menjadi sebuah universiti yang unggul dan aktif dalam bidang jaringan industri dalam bidang tumpuan alumni, komuniti dan kesukarelawan. Justeru, adalah penting untuk mengenalpasti keberkesanan penglibatan sumber manusia dalam usaha menjalinkan kerjasama industri dengan badan luar. Indikator utama yang digunakan oleh UiTMCK adalah berteraskan kepada pencapaian petunjuk prestasi yang dizahirkan melalui

Kelebihan yang unggul oleh semua star di semua peringkat impian kepakaran sumber manusia di UiTMCK telah merentas sempadan hingga ke peringkat antarabangsa melalui aktiviti-aktiviti jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawan.

#### **7.2.2 TAHAP(Level)**

BUKTI : [H2\\_K0058\\_HB02\\_20241\\_UiTMCK\\_BUKTI 7.2.2.pdf](#)

#### **7.2.3 TREN (Trend)**

BUKTI : [H2\\_K0058\\_HB03\\_20242\\_UiTMCK\\_BUKTI 7.2.3.pdf](#)

#### **7.2.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)**

BUKTI : [H2\\_K0058\\_HB04\\_20243\\_UiTMCK\\_BUKTI 7.2.4.pdf](#)

#### **7.2.5 KEPENTINGAN (Importance)**

BUKTI : [H2\\_K0058\\_HB05\\_20244\\_UiTMCK\\_BUKTI 7.2.5.pdf](#)



## **KRITERIA 7 : HASIL UTAMA**

### **7.3 HASIL UTAMA 3**

#### **BIDANG TUMPUAN: JARINGAN ALUMNI, KOMUNITI & KESUKARELAWANAN**

##### **7.1 HASIL DARIPADA TUMPUAN PELANGGAN**

###### **7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Kepimpinan UiTMCK mengambil serius pelaksanaan perancangan strategik bila mana semua aktiviti serta program di semua peringkat perlu mengambil kira kepentingan pencapaian petunjuk prestasi (PI) yang telah ditetapkan ke atas UiTMCK. Bagi memastikan PI yang ditetapkan ke atas UiTMCK dapat dicapai dengan jayanya, mesyuarat serta bengkel perbincangan ke arah pencapaian PI telah dilakukan.

Perancangan strategik UiTMCK adalah berpandukan perancangan strategik yang telah ditetapkan oleh UiTM secara keseluruhan. Pada tahun 2019, petunjuk prestasi bagi UiTMCK adalah seperti mana tahun 2018. Namun oleh kerana UiTMCK telah menunjukkan pencapaian prestasi yang cemerlang pada tahun 2018 maka sasaran pencapaian untuk UiTMCK telah turut dipertingkatkan. Manakala pada tahun 2020, perancangan strategik **UiTM 2025** telah diperkenalkan yang mana sasaran pencapaian yang ditetapkan adalah lebih berfokus untuk meletakkan UiTM sebagai sebuah **universiti terkemuka di dunia**. Selaras dengan perubahan ini, bermula dari 2020 hingga kini UiTMCK turut memperkemaskan tumpuan dan perancangannya bagi memastikan petunjuk prestasi yang ditetapkan dapat dicapai dengan jayanya.

Dalam memastikan pencapaian petunjuk prestasi yang ditetapkan, UiTMCK telah mengambil peranan yang serius dalam jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawan bagi memperkasakan bidang pengajaran dan pembelajaran sejajar dengan aspirasi UiTM untuk menjadi universiti terkemuka di dunia. Bagi memastikan jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawan diperkasakan pihak UiTMCK telah memastikan penglibatan semua pihak iaitu staf, pelajar dan alumni.

Pelbagai program telah dijalankan bagi memperkasakan jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawan oleh UiTMCK pada tahun 2023. Disamping hasil program yang dijalankan tahap juga diukur melalui penglibatan staf, pelajar dan alumni terhadap komuniti. Antara program yang dijalankan bagi menyumbang kepada komuniti adalah melalui KTP melalui penganjuran **Kursus Pengurusan Kewangan Masjid** yang telah dijalankan oleh Fakulti Perakaunan UiTMCK dengan kerjasama MAIK, UiTMCK bekerjasama dengan Pejabat Penggawa Sungai Pinang, Kampung Laut, program ini melibatkan masyarakat setempat.

**Program Kelestarian Keusahawanan Komuniti Sungai Pinang** bagi meningkatkan taraf hidup komuniti setempat.

Disamping menyumbang kepakaran dan tenaga staf, UiTMCK juga tidak lupa untuk melibatkan pelajar dalam memberi sumbangan kepada masyarakat di peringkat antarabangsa dan nasional. Alumni juga terlibat secara aktif dalam memberikan sumbangan kepada pelajar dan masyarakat dalam bentuk kewangan dan kepakaran.

UiTMCK amat konsisten dalam memberi khidmat kepada komuniti, di mana setiap program dijalankan adalah berterusan dan memberi impak yang tinggi kepada komuniti, setiap program yang dijalankan akan diberi penambahbaikan bagi memastikan UiTMCK sebagai sebuah IPTA yang sentiasa menjadi rujukan oleh pelbagai pihak.

###### **7.3.2 TAHAP(Level)**

BUKTI : [H3\\_K0058\\_HB02\\_20241\\_UITMCK\\_BUKTI\\_7.3.2.pdf](#)

### **7.3.3 TREN (Trend)**

BUKTI : [H3\\_K0058\\_HB03\\_20242\\_UITMCK BUKTI 7.3.3.pdf](#)

### **7.3.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)**

BUKTI : [H3\\_K0058\\_HB04\\_20243\\_UITMCK BUKTI 7.3.4.pdf](#)

### **7.3.5 KEPENTINGAN (Importance)**

BUKTI : [H3\\_K0058\\_HB05\\_20244\\_UITMCK BUKTI 7.3.5.pdf](#)